

KESEMBILAN
Ninth
PERTAMA
First

Jilid 1 Bil. 46 Hari Isnin 20hb November, 1995

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Ruangan 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 1996

Jawatankuasa:

Jadual -

Maksud B.1, B.2, B.3, B.4, B.5, B.6, B.7, B.8,
B.9, B.10, B.11, B.12 dan B.13 (Ruangan 37)

Maksud B. 14, B.15 dan B.16 (Ruangan 113)

USUL:

Anggaran Pembangunan 1996

Jawatankuasa:

Maksud P.7 dan P.8 (Ruangan 37)

Maksud P.14 dan P.16

(Ruangan 113)

DEWAN RAKYAT YANG KESEMBILAN**PENYATA RASMI PARLIMEN****Penggal Yang Pertama****AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Mohamed Zahir bin Haji Ismail, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu)

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas)

“ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie anak Irok, P.N.B.S. (Kanowit)

“ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

“ Menteri Pertanian, Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)

“ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ Haji Abu Hassan bin Haji Omar, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.S., S.M.T. P.I.S. (Kuala Selangor)

Yang Berhormat Menteri Pendidikan, Dato’ Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan)

“ Menteri Penerangan, Dato’ Mohamed bin Rahmat, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai)

“ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Sabbaruddin Chik, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh)

“ Menteri Sumber Manusia, Dato’ Lim Ah Lek, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong)

“ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)

“ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)

“ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.P. (Gopeng)

“ Menteri Pertahanan, Dato’ Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)

“ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ Haji Annuar bin Haji Musa, S.I.M.P. (Peringat)

“ Menteri Luar Negeri, Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)

“ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Datuk Osu bin Haji Sukam, P.G.D.K. (Papar)

“ Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh)

“ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak)

Yang Berhormat Menteri Kesihatan, Tuan Chua Jui Meng, P.I.S. (Bakri)

- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T. (Sik)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato’ Mustapa bin Mohamed, D.P.M.S. (Jeli)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Tuan Ong Tee Keat, S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin (Kinabatangan)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Megat Junid bin Megat Ayob, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato’ Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman, D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey bin Haji Jaffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Raja Dato’ Ariffin bin Raja Sulaiman, D.S.D.K., S.M.S. (Baling)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Dr. Leo Michael Toyad, J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato’ Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)

Yang Berhormat Timbalan Menteri Penerangan, Dato’ Drs. Suleiman bin Mohamed, D.P.M.S. (Titiwangsa)

- “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Teng Gaik Kwan, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)

- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tuan Peter Chin Fah Kui, P.B.S., A.B.S. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato’ Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Kerk Choo Ting (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato’ Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Wong See Wah, D.S.N.S. (Rasah)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Dato’ Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Tuan Ong Ka Ting (Pontian)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ K. Kumaran, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tapah)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Dr. Affifudin bin Haji Omar, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Ibrahim bin Saad, D.M.S.M. (Tasek Gelugor)

Yang Berhormat Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Abu Bakar bin Daud, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu)

- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Subramaniam, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat)

- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Cik Siti Zainab binti Abu Bakar (Tebrau)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Tuan Idris bin Jusoh, P.J.K. (Besut)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato’ M. Mahalingam, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Mohd. Noh bin Rajab, D.S.N.S. (Tampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Tuan Douglas Uggah Embas, A.B.S., P.B.S. (Betong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng (Padawan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dato’ Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Azmi bin Khalid, S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)

- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Chor Chee Heung (Alor Setar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Hishamuddin bin Tun Hussein (Tenggara)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato’ Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi)

- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Tan Chai Ho, K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Puan Shahrizat binti Abdul Jalil (Lembah Pantai)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Tuan G. Palanivel, P.J.K. (Hulu Selangor)
- “ Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan)
- “ Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)
- “ Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)
- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tuan Abdul Rahin bin Dato’ Mohd. Said (Kuala Nerus)
- Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar)

Yang Berhormat Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)

- “ Dato’ Haji Abu Dahari bin Osman, D.I.M.P., A.M.P., P.J.K (Lipis)
- “ Datuk Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M, J.P., B.K.T. (Alor Gajah)
- “ Tuan Haji Abu Zahar bin Dato’ Nika Ujang, A.M.N. (Kuala Pilah)
- “ Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria, P.J.K. (Jerantut)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)
- “ Puan Ainon Khariyah binti Dato’ Mohd. Abas, P.M.P., A.M.P. (Parit)
- “ Tuan Akbarkhan bin Abul Rahman (Libaran)

- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Tuan Asmat Nungka (Beluran)
- “ Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin, B.K.M., P.J.K. (Yan)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz (Hulu Langat)
- “ Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)
- “ Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok)
- “ Tuan Chang Kon You (Ipoh Timor)
- “ Che Ibrahim bin Mustafa, P.J.K. (Sungai Petani)
- “ Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)

Yang Berhormat Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)

- “ Dato’ Joseph Chong Chek Ah, D.S.P.N. (Batu)
- “ Puan Chua Soon Bui (Tawau)
- “ Tun Daim bin Haji Zainuddin, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Tuan Hamzah bin Ramli (Sri Gading)
- “ Dato Haji Hanafi bin Ramli, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun)
- “ Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Tuan Henrynus Amin, A.D.K. (Kinabalu)
- “ Dato’ Hew See Tong, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar)
- “ Tuan Ho Cheong Sing, A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Dato’ Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai)

- “ Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad (Tanah Merah)
- “ Puan Hajah Ilani binti Dato’ Haji Isahak (Kota Bharu)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, P.P.B. (Baram)
- “ Dato’ Dr. Haji Jamaluddin bin Dato’ Mohd. Jarjis, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin)
- “ Tuan James Jimbun Anak Pungga, P.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Jawah Anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim @ Jimmy Donald (Sri Aman)

Yang Berhormat Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh (Selangau)

- “ Datuk Joseph Pairin Kitingan (Keningau)
- “ Dato’ Dr. Kamal bin Salleh, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju)
- “ Tuan Kamarudin bin Ahmad (Arau)
- “ Tuan R. Karpal Singh (Jelutong)
- “ Dr. L. Krishnan, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang)
- “ Tuan Lau Ngan Siew, A.D.K. (Sandakan)
- “ Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang)
- “ Dr. G. Leelavathi, A.M.N. (Kapar)
- “ Tuan Liew Ah Kim (Seputeh)
- “ Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- “ Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)
- “ Tuan Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara)
- “ Puan Lim Lay Hoon, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai)

- “ Tuan Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Tuan Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Tuan Haji Mahbud bin Haji Hashim, A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam)
- “ Tuan Mansor bin Masikon (Batu Pahat)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar)

Yang Berhormat Tuan Michael Lisa Kaya, B.B.S. (Bukit Mas)

- “ Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian)
- “ Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah (Pasir Puteh)
- “ Tuan Mohamed Khaled bin Nordin (Johor Bahru)
- “ Datuk Mohd. Salleh bin Tun Said, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Dato’ Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P. (Larut)
- “ Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof (Dungun)
- “ Tuan Haji Mustafa bin Muda, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K. J.P. (Hulu Terengganu)
- “ Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Noh bin Omar, P.J.K. (Tanjong Karang)
- “ Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau)
- “ Datuk Nurnikman bin Abdullah (Beaufort)
- “ Tuan Ong Tin Kim (Teluk Intan)
- “ Tuan Othman bin Abdul, A.M.P., P.P.T. (Pendang)
- “ Dr. Patau Rubis, P.B.S. (Mas Gading)
- “ Tuan Paul Noutin, A.D.K. (Penampang)

“ Tuan Philip Yong Chew Lip, A.D.K. (Gaya)

“ Dato’ Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai)

“ Tuan Radin Malleh (Tenom)

“ Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)

Yang Berhormat Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)

Yang Berhormat Tuan Richard Riot Anak Jaem (Serian)

“ Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)

“ Puan Rohani binti Abd. Karim, P.P.B. (Santubong)

“ Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad, P.I.S. (Parit Sulong)

“ Tuan Salamon bin Selamat, S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam)

“ Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)

“ Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)

“ Datuk S’ng Chee Hua, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau)

“ Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)

“ Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)

“ Dato’ Haji Sukri bin Haji Mohamed, D.J.M.K., J.P.. (Machang)

“ Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)

“ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)

“ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)

“ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)

“ Dr. Tan Yee Kew (Kelang)

“ Tuan Tiong Thai King (Lanang)

- “ Tuan Tue Si @ Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
- “ Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, B.K.M. (Pokok Sena)
- “ Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang Lupar)

Yang Berhormat Tuan Haji Wan Mohd Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)

- “ Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Dato’ Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yap Yit Thong, A.M.P., A.M.N. (Lumut)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah)
- “ Tuan Yunof Edward Maringking (Tuaran)
- “ Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu)
- “ Dr.Haji Yusof bin Haji Yacob, A.D.K. (Sipitang)
- “ Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing)
- “ Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor, S.M.K. (Pasir Mas)
- “ Dato’ Haji Zakaria bin Mohd. Said, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K. (Kuala Kedah)

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Ali, D.P.M.T.,
A.M.N., P.J.K., A.M.S., S.M.T., A.S.D.K.

Ketua Penolong Setiausaha: Said bin Sidik

Pmk. Ketua Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab

Penolong Setiausaha Kanan: Zamani bin Haji Sulaiman

CAWANGAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Pegawai Penerbitan: Azhari bin Hamzah

Ketua Pelapor Perbahasan Parlimen: Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N.
Haji Suhor bin Husin

Pelapor Perbahasan Parlimen: Mohd Saleh bin Mohd. Yusop
Hajah Supiah binti Dewak
Hajah Kalsom binti Ghazali
Mohamed bin Osman
Hajah Norishah binti Mohd. Thani
Zaharah binti Naim
Norwahidah binti Azizi
Rozita binti Abd. Samad
Jainah binti Sakimin
Ahmad Kamal bin Mohd. Yusop
Shamsina binti Janor

Bentara Mesyuarat: Lt Kol. (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib

DEWAN RAKYAT**Isnin, 20hb. November, 1995****Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang****D O A****[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI
PERTANYAAN-PERTANYAAN****SUKAN KOMANWEL 1998 -
JUMLAH TAJAAN**

1. Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan:

- (a) berapa banyakkah jumlah dan nilai penajaan yang diterima setakat ini bagi menganjurkan Sukan Komanwel 1998;
- (b) apakah badan yang menguruskan akaun Sukom 1998 dan berapa banyakkah perbelanjaan dan anggaran keuntungan daripada penganjuran sukan itu; dan
- (c) bagaimanakah persiapan ahli-ahli sukan negara setakat ini bagi memastikan kecemerlangan semasa sukan itu kelak.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Dato' Loke Yuen Yow]: Tuan Yang di-Pertua, Sukom Ninety Eight Berhad selaku badan pengelola kepada Sukan Komanwel 1998 bertanggungjawab bagi mendapatkan sumber-sumber kewangannya sendiri bagi urusan pengacaraan sukan ini. Seajar dengan itu, Sukom Ninety Eight Berhad telah pun memulakan kempen pemasarannya dan hingga ke bulan Oktober 1995 telah berjaya menarik sebanyak 13 penaja dengan jumlah tajaan RM60.5 juta. Di samping tajaan ini, Sukom Ninety Eight Berhad akan mengambil beberapa langkah lain bagi maksud 'fund raising' seperti penjualan

plat kenderaan Sukom 1 hingga Sukom 2020, penjualan setem kenang-kenangan, pengumpulan syiling 1 sen dan 5 sen dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, akaun Sukom 1998 dikendalikan sendiri oleh pihak Sukom Ninety Eight Berhad. Perbelanjaan yang terlibat bagi menganjurkan Sukan Komanwel 1998 adalah sebanyak RM295 juta, tidak termasuk kos prasarana. Sukan Komanwel 1998 dijangka akan meraih keuntungan sebanyak lebih kurang RM20 juta.

Untuk makluman Yang Berhormat, pertanyaan mengenai program penyediaan atlet telah dijawab oleh Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan di Dewan ini pada hari Isnin, 14hb. November yang lalu.

Puan Aion Khariyah binti Dato' Mohd. Abas: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh kementerian untuk memastikan bahawa para atlet kita tidak terlibat dalam pengambilan bahan-bahan dadah yang ditegah seperti anabolic steroid ataupun masking substance dalam mereka menyediakan diri untuk Sukom ini supaya kita sebagai tuan rumah bebas daripada kejadian-kejadian yang mungkin menjatuhkan imej dan maruah negara kita?

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sedar bahawa kejadian-kejadian yang mungkin berlaku, seperti apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat, akan menjejaskan imej negara khususnya pada kali ini Malaysia menjadi tuan rumah bagi satu sukan yang begitu besar, iaitu Sukan Komanwel. Pihak-pihak yang berkenaan seperti OCM dan National Sports Council (NSC) dan juga coaches yang berkenaan telah memberi amaran kepada atlet-atlet yang berkenaan bahawa mereka tidak boleh terlibat diri dalam kejadian-kejadian yang kita bimbang itu.

Bagi kursus-kursus latihan sukan sepanjang tempoh ini, atlet-atlet yang berkenaan telah diajar bahawa mereka patut berlatih kuat tanpa mengambil dadah yang ada kaitan dengan kekuatan badan. Jadi, kita yakinlah bahawa kejadian ini tidak akan berlaku.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan seruan Nelson Mandela untuk mengadakan international sanction terhadap Nigeria oleh kerana pembunuhan Ken Saro Wiwa dan 8 orang yang lain dan juga menyebabkan penggantungan (suspension) Nigeria daripada Komanwel. Adakah kementerian yang berkenaan bercadang bahawa Nigeria diharamkan daripada mengambil bahagian dalam Sukan Komanwel sebagai satu usaha sokongan Malaysia terhadap inisiatif Nelson Mandela untuk mengasingkan dan menghukum General Sani Abacha oleh kerana pencabulan hak-hak asasi?

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, keputusan ini kalau diambil adalah keputusan yang diambil oleh penguasa (authority) yang lebih tinggi, iaitu authority Komanwel yang berkenaan di London. Jadi, bagi negara kita ini pada tahap sekarang ini kita cukup bersedia untuk mengadakan sukan ini dan apa-apa pertimbangan akan dipanjangkan kepada authority yang lebih tinggi.

KUMPULAN PENGEMBANGAN WANITA (KPW) - PERANAN

2. Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah minta Menteri Pertanian menyatakan tentang agensi di bawahnya, Kumpulan Pengembangan Wanita (KPW):

- (a) berapakah jumlah dagangan yang dapat dipasarkan pada tahun 1992, 1993 dan 1994, di manakah pasaran-pasaran utama tersebut;
- (b) adakah KPW telah berjaya memainkan peranannya sebagai agensi pasaran bagi hasil-hasil yang dikeluarkan oleh wanita-wanita luar bandar; dan
- (c) apakah strategi jangka pendek dan jangka panjang untuk meningkatkan prestasinya.

Timbalan Menteri Pertanian [Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor]:

Tuan Yang di-Pertua, Kumpulan Pengembangan Wanita atau KPW bukanlah agensi di bawah Kementerian Pertanian. KPW sebenarnya adalah kumpulan-kumpulan berorganisasi yang ditubuhkan di peringkat kampung oleh Jabatan Pertanian. Kumpulan-kumpulan ini terdiri

daripada wanita-wanita yang menjadi ahli atau anggota keluarga tani. Sehingga ini, terdapat 1,126 KPW dengan ahli kira-kira 33,000.

- (a) Dari aktiviti-aktiviti pemerosesan makanan yang dijalankan oleh ahli-ahli KPW, jumlah nilai produk yang diniagakan ialah, pada tahun 1992, sebanyak RM4.3 juta; pada tahun 1993, sebanyak RM4.5 juta; dan pada tahun 1994, sebanyak RM4.8 juta.

Pasaran utama produk ialah di kawasan sekitar pengeluaran.

- (b) KPW bukan satu agensi pasaran, tetapi satu organisasi yang juga membantu ahli-ahli dari segi pasaran dengan mengumpulkan produk-produk ahli dan mengadakan networking antara satu KPW dengan yang lain. Selain itu, pengusaha-pengusaha telah ada pelanggan tetap.

- (c) Dalam usaha untuk meningkatkan lagi prestasi KPW sebagai pengeluar hasil-hasil wanita luar bandar, strategi utama yang sedang diambil oleh Jabatan Pertanian adalah dengan meningkatkan produktiviti keluaran dan kualiti produk mereka melalui penggunaan mesin dan alat-alat yang sesuai serta pembangunan produk yang berkualiti di samping menentukan kepelbagaian produk.

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat juga, sehingga ini, terdapat 104 jenis produk yang dikeluarkan oleh KPW dan adalah diharapkan dengan kualiti yang baik itu, institusi KPW akan wujud sebagai industri yang berkembang di mana wanita tani

akan berjaya menjadi usahawan-usahawan yang berdikari dan dapat mengeluarkan bahan makanan, bukan sahaja untuk pasaran tempatan dan insya-Allah, seterusnya pasaran eksport pada satu masa nanti.

Tuan Kamarudin bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan apakah tujuan sebenarnya KPW ini ditubuhkan dan adakah mereka ini mendapat pinjaman untuk modal pusingan bagi menjayakan projek mereka?

Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang saya jelaskan tadi bahawa tujuannya ialah untuk melatih wanita-wanita tani supaya dapat menceburkan diri dalam bidang pemerosesan bahan-bahan makanan dan juga kraftangan dan pada peringkat awalnya bahawa bantuan untuk mengadakan infrastruktur diberi oleh jabatan-jabatan pertanian yang berkenaan manakala modal seterusnya bolehlah dipohon dari pinjaman bank ataupun Bank Pertanian.

Tuan Yunus bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu dan ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri apakah ada perancangan oleh kementerian beliau bagi memberikan bimbingan dan juga kursus perniagaan kepada ahli-ahli dan juga pemimpin KPW di peringkat kampung-kampung kerana apa yang kita dapati produk yang dikeluarkan begitu banyak, tetapi pasaran itu memang tidak jauh ke mana. Jadi, saya ingin bertanya adakah perancangan kementerian beliau untuk memberikan bimbingan ke arah ini?

Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat. Memang menjadi hasrat kementerian saya supaya petani-petani, khususnya wanita-wanita tani ini diberi pendedahan dan bimbingan dari

semasa ke semasa. Walau bagaimanapun, pengwujudan KPW ini adalah tahap pertama sebagaimana yang saya katakan dan sudah pasti kita akan cuba membimbing mana-mana ahli KPW yang mempunyai potensi untuk dimajukan dengan ilmu perniagaan dan bimbingan dari segi simpan kira-kira dan lain-lain lagi dan ini berdasarkan kepada kemampuan individu KPW yang berkenaan.

SISTEM PEMBETUNGAN - MANFAAT KEPADA RAKYAT

3. Tuan Yeong Chee Wah minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan mengenai Perjanjian antara Kerajaan Malaysia dengan Indah Water Konsortium (IWK) berkenaan Sistem Pembetulan dan perkhidmatan pembetulan di seluruh negara, dan

- (a) apakah tujuan dan faedah perjanjian tersebut dan apakah tanggungjawab kedua-dua pihak;
- (b) sejauh manakah perjanjian tersebut dapat memanfaatkan negara dan rakyat, khasnya pengguna-pengguna bekalan air bersih di seluruh negara; dan
- (c) menurut perjanjian oleh kedua-dua pihak, bolehkah IWK meminta bayaran perkhidmatan pembetulan dan tunggakan dari pengguna air sebelum memberi sebarang perkhidmatan; jika ya, apakah alasan-alasan yang munasabah, jika tidak, apakah tindakan yang akan diambil oleh kerajaan terhadap Indah Water Konsortium yang telah melanggar atau belum menunaikan tanggungjawabnya untuk memberi perkhidmatan setimpal dengan bayaran.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Mohd. Tajol

Rosli bin Mohd. Ghazali]: Tuan Yang di-Pertua, sebaik sahaja Akta Perkhidmatan Pembetulan diwartakan, satu perjanjian konsesi telah dimeterai antara Kerajaan Malaysia dan Indah Water Konsortium. Perjanjian konsesi diadakan bertujuan untuk menyenaraikan segala obligasi IWK terhadap pembangunan sektor pembetulan seluruh negara. Secara ringkasnya, IWK dipertanggungjawabkan untuk:

- (i) mengambil alih, menaik taraf dan membaik pulih sistem pebetungan awam sedia ada supaya operasinya dapat mematuhi keperluan dan juga piawaian alam sekitar;
- (ii) merancang, merekabentuk, membina dan memulakan penggunaan sistem pebetungan awam supaya mencapai matlamat 85% penduduk di 49 buah pihak berkuasa tempatan yang maju disambung ke sistem pebetungan berpusat dan 30% penduduk di 95 buah pihak berkuasa tempatan yang kecil disambung ke sistem pebetungan berpusat pada tahun 2022;
- (iii) membuat kerja-kerja operasi dan penyelenggaraan ke atas loji-loji pebetungan awam;
- (iv) membuat kerja-kerja menyedut enapcemar bagi tangki septik individu;
- (v) memastikan semua enapcemar daripada sistem-sistem pebetungan awam tangki septik dirawat dengan baik;
- (vi) mengenakan caj pebetungan terhadap perkhidmatan yang diberikan.

Apabila perkhidmatan pebetungan diswastakan, semua peringkat pengguna, sama ada dari pengguna domestik atau pengguna komersil akan dikenakan caj yang kita anggap berpatutan, iaitu antara RM2.00 hingga RM10.00 setiap bulan bagi pengguna domestik dan 90 sen semeter padu air dan RM1.20 sen semeter padu air bagi pengguna komersil. Dengan caj yang dikenakan itu, IWK akan membiayai kos-kos untuk merawat air kumbahan tersebut

di samping membina loji-loji perawatan baru di seluruh negara dan ini secara tidak langsung meningkatkan kualiti alam sekitar agar lebih terjamin dan selamat.

Sehingga kini, IWK berjaya melaksanakan tanggungjawabnya dengan jaya dan telah memenuhi kehendak Akta Perkhidmatan Pembedungan. Peruntukan dalam Akta menghendaki IWK mengambil alih sistem-sistem pembedungan awam dari pihak berkuasa tempatan telah dilaksanakan dengan memuaskan di samping kepekaan IWK untuk mendapatkan kelulusan bertulis Jabatan Perkhidmatan Pembedungan sebelum membersihkan sistem dan rangkaian paip pembedungan baru.

Selain daripada menepati keperluan Akta Perkhidmatan Pembedungan, IWK telah mendapatkan lesen contravening, dengan izin, dari Jabatan Alam Sekitar bagi menjalankan kerja-kerja membaik pulih dan menaik taraf sistem pembedungan awam yang telah diambil alih daripada pihak berkuasa tempatan.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Walaupun tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan bahawa kerajaan berpuas hati dengan perkhidmatan yang diberi oleh IWK, tetapi akhir-akhir ini kita dengar dan membaca di dalam akhbar rungutan-rungutan daripada masyarakat tentang kelembapan dan ketidakcekapan IWK memberi perkhidmatan. Di samping itu juga, caj yang dikenakan agak keterlaluan. Adakah kementerian akan menyemak dan mengambil kompelin-kompelin atau rungutan-rungutan daripada syarikat dan rakyat ini supaya memperbetulkan balik kedudukan IWK dan juga perjanjian dengan pihak kerajaan. Dan adakah peratus bumiputera di dalam syarikat IWK itu masih di'maintain' seperti yang diluluskan di Dewan Rakyat tempoh hari?

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian khususnya dan Kerajaan Malaysia amnya, akan mempertahankan IWK jika soal dasar penswastaaan dan kadar caj pembedaan dipersoalkan. Tetapi jika ia melibatkan masalah IWK gagal melaksanakan tanggungjawabnya kepada orang ramai ataupun khidmat yang diberikan tidak memuaskan pada tahap yang sepatutnya, maka ini kita menggalakkan Ahli-ahli Parlimen dan juga pemimpin masyarakat untuk memberi teguran supaya ianya dapat diperbaiki. Tetapi kalau soal caj, ini telah pun dirundingkan di antara IWK, pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan juga Unit Perancang Ekonomi, maka untuk memastikan bahawa privatisation ini berjaya, maka soal caj atau bayaran ini perlulah kita bayar. Sebagaimana yang selalu saya sebut, misalnya kita makan mi goreng yang kita beli di tepi jalan mungkin RM1.50 sepinggan tetapi kalau kita pergi ke hotel 5-star, mi goreng yang sama mungkin kita kena bayar RM15.00. Jadi, walau pun khidmat itu tetap khidmat pembedaan (sewerage) tetapi oleh kerana kita hendakkan ianya bertaraf 5-star, maka kenalah kita membayar sedikit untuk mendapatkan khidmat yang lebih baik.

Berkenaan soalan kedua Ahli Yang Berhormat tadi, setahu saya peratus pegangan ekuiti bumiputera dalam IWK masih lagi dapat kita pertahankan.

Dr. Yap Yit Thong: Tuan Yang di-Pertua, salah satu matlamat IWK ialah menjaga dan mengawal alam sekitar negara kita. Seperti yang kita tahu di Perak, IWK tidak mempunyai oxidation atau treatment plant di Perak. Selepas desludging dari rumah-rumah, najis yang dihasilkan dari desludging pun dibuang dalam sungai. Adakah adil dan bertanggungjawab tindakan oleh IWK ini?

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, seandainya apa yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat tadi tepat, IWK tidak adil dan IWK telah melanggar syarat-syarat perjanjian dengan pihak kementerian dan juga Kerajaan Malaysia. Kita berharap kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dan juga orang ramai, seandainya ada maklumat-maklumat seumpama ini, kemukakan kepada kementerian dan kementerian berjanji bahawa kita akan mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap IWK.

TELEFON - LANGKAH MEMBEKALKAN KEPADA PENDUDUK PEDALAMAN SARAWAK

4. **Tuan Jimmy Donald** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan langkah-langkah yang akan diambil untuk membekalkan penduduk di rumah panjang di pedalaman di Sarawak dengan telefon memandangkan itu sudah menjadi keperluan asas masyarakat zaman sekarang.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos [Dato' Chan Kong Choy]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, pihak Telekom Malaysia telah pun berusaha bagi membekalkan perkhidmatan telefon di kawasan pedalaman dan rumah-rumah panjang di negeri Sarawak dengan memberi kemudahan teknologi moden yang bersesuaian iaitu dengan menggunakan teknologi terbaru seperti Radio Interlube (RAIL) bagi kawasan-kawasan yang mendapat bekalan elektrik. Ianya tidak memerlukan talian, kabel dan tiang sebaliknya boleh dipasang terus di rumah-rumah di kawasan pedalaman dengan menggunakan antena sahaja sama ada secara dalaman ataupun luaran.

Bagi kawasan-kawasan yang tidak mempunyai bekalan elektrik, Telekom Malaysia memberi perkhidmatan telefon awam yang menggunakan tenaga solar.

Tuan Md. Isa bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, mohon penjelasan tambahan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai perkhidmatan telefon awam luar bandar ataupun kawasan pedalaman. Setakat yang kita faham bahawa telefon ini boleh membuat

panggilan dua hala - satu pergi dan satu masuk. Tetapi telefon awam di luar bandar didapati boleh panggil keluar tetapi bila ada panggilan masuk, tidak boleh diterima. Kenapa jadi begini?

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, semua telefon boleh buat panggilan keluar dan boleh terima panggilan dari luar dan boleh terima panggilan dari mana-mana pihak. Pada hemat saya, saya juga telah berkhidmat di kawasan luar bandar iaitu di kawasan lama saya di Lipis, saya memang ada pengalaman juga. Biasanya nombor telefon awam ini tidak diketahui oleh ramai orang. Kalau sekiranya nombor telefon ini diberitahu kepada penduduk-penduduk dan nombor telefon ini diberitahu kepada pihak yang berkenaan, memang boleh buat panggilan dari luar.

Tuan Noh bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Selain daripada Syarikat Telekom Malaysia Berhad, adakah syarikat-syarikat telekomunikasi yang lain telah diberikan kebenaran ataupun ditugaskan untuk membekalkan talian telefon kepada penduduk-penduduk di luar bandar, jika ada apakah syarikat tersebut?

Dato' Chan Kong Choy: Memang ada beberapa buah syarikat telah pun diberikan kelulusan untuk memasang telefon awam baik di kawasan bandar ataupun di kawasan luar bandar dan kita telah pun membuat satu syarat bahawa di mana syarikat ini mengadakan dua telefon awam di kawasan bandar, ia dikehendaki membina satu telefon awam di luar bandar. Tetapi setakat ini ada beberapa buah syarikat yang diberikan kelulusan untuk membuat telefon awam ini, cuma memberikan tumpuan di kawasan bandar sahaja. Pihak kementerian akan memastikan bahawa syarat yang telah pun ditetapkan oleh pihak kementerian ini akan diikuti.

5. **Datuk Abu Seman bin Yusop** minta Perdana Menteri menyatakan bahawa terdapat di sesetengah jalan dalam Bandar Raya Kuala Lumpur, muka jalan-jalan tersebut telah ditukar daripada batu “premix” kepada “interlocking block”, apakah rasionalnya di atas penukaran bentuk muka jalan-jalan berkenaan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan berapa banyakkah telah dibelanjakan oleh DBKL dalam penukaran tersebut mulai dari tarikh mula-mula diperkenalkan hingga sekarang.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato’ Dr. Ibrahim bin Saad]:

Tuan Yang di-Pertua, kerja-kerja memasang jubin konkrit berpanca, dengan izin, “interlocking block”, di sesetengah jalan di Kuala Lumpur telah dimulakan sejak tahun 1992. Lokasi-lokasi yang telah dipasang dengan jubin berkonkrit berpanca ini adalah seperti di persimpangan-persimpangan jalan, tunjangan-tunjangan dan lengkung-lengkung jalan.

Penggunaan bahan jubin berpanca di lokasi-lokasi tersebut adalah bertujuan untuk mengatasi pengusutan muka jalan bertar yang disebabkan oleh tumpahan disel oleh kenderaan berat seperti bas dan lori bila membuat belokan atau pusingan. Kedua, untuk mengatasi kerosakan muka jalan di persimpangan-persimpangan dan lengkung-lengkong dan untuk mengurangkan kerja-kerja penyelenggaraan di lokasi-lokasi di mana haus dan lusuh muka jalan adalah tinggi.

Leibh kurang RM3 juta telah dibelanjakan oleh DBKL dalam melaksanakan kerja-kerja penukaran jalan bertar ke jubin berkonkrit berpanca dari tahun 1992 hingga sekarang.

Tuan Yunus bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya sebagai soalan tambahan, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa dengan pemasangan interlocking block ini, dengan izin, kita dapati di dalam kawasan-kawasan bandar di sekitar Kuala Lumpur ini telah tidak menyediakan kawasan untuk meletakkan kenderaan ataupun meletakkan motosikal. Jadi, kesannya ialah apabila motosikal-motosikal ini diletakkan di tepi-tepi jalan yang tidak ada kawasan letak motosikal, menyebabkan unit-unit penguatkuasa

DBKL dan juga polis telah memberikan saman tanpa memikirkan bahawa memang di tempat-tempat itu tidak disediakan tempat letak motosikal dan sebagainya.

Dato' Dr. Ibrahim bin Saad: Tuan Yang di-Pertua, apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat adalah jubin-jubin di bahu jalan tetapi yang saya sebutkan tadi ialah jubin-jubin di atas jalan. Jadi, saya kira ada dua perkara yang berbeza.

Tuan Kamarudin bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan kepada interlocking block yang terdapat di atas jalan itu begitu cantik sekali dan adakah pihak DBKL bercadang untuk menjadikan setengah-setengah jalan yang telah pun dibina dengan interlocking block, dijadikan pedestrian mall, dengan izin ataupun jalan-jalan yang hanya pejalan kaki sahaja menggunakannya tidak kenderaan-kenderaan?

Datuk Dr. Ibrahim bin Saad: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan “interlocking” jubin konkrit berpanca sekarang ini dibuat di persimpangan jalan dan belum ada lagi keseluruhan jalan dibuat oleh jubin konkrit berpanca, jadi, kita belum membuat apa-apa keputusan mengenai hal itu, sebab apa yang ada sekarang hanya di simpang-simpang jalan.

PERDANA MENTERI DAN ROMBONGAN MEMBUAT BSKL ROADSHOW - SAMBUTAN PELABUR ASING

6. **Tuan Tan Kok Wai** minta Menteri Kewangan menyatakan sejauh manakah sambutan pelabur asing selepas Perdana Menteri dan rombongan mengadakan beberapa BSKL Roadshow di luar negara baru-baru ini.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wong See Wah]: Tuan Yang di-Pertua, jawapan ke atas pertanyaan ini telah dibuat pada 26hb. Oktober 1995, iaitu semasa menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Kepong, dengan itu saya tidak berhasrat untuk mengulangi jawapannya.

Tuan Tan Kok Wai: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Tidak payah soalan tambahan, Yang Berhormat, sudah dijawab.

Tuan Tan Kok Wai: Tambahan boleh?

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat....

Tuan Tan Kok Wai: Satu sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, dia tidak beri, Yang Berhormat. Dia sudah jawab.

Tuan Tan Kok Wai: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat Tuan.....

Tuan Tan Kok Wai: Satu sahaja.....

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Tidak ada lagi soalan tambahan, dia sudah jawab dahulu.

Tuan Tan Kok Wai: Saya minta satu sahaja yang tidak pernah dijawab -soalan saya tidak pernah dijawab.

Seorang Ahli: Tidak fahamkah!

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Okay - okay, sila.

Tuan Tan Kok Wai: Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa faktor-faktor seperti perkembangan di Bursa Saham Dow Jones di New York, kelemahan CDS, saham scriptless, sijil saham palsu, Belanjawan Negara 1996 dan juga kejadian-kejadian yang kurang sihat dalam UMNO

menjelang Perhimpunan Agung, yang kita akan nampak kemungkinan pertandingan untuk Presiden UMNO, menyumbang kepada keruntuhan teruk indeks BSKL. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh kementerian untuk memperbaiki prestasi BSKL?

Beberapa Ahli: Boo! Tidak payah jawab.

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya katakan, apa yang kita nampak di Malaysia itu fundamental begitu baik dengan pertumbuhan ekonomi 8% dan tanda-tanda dari segi pengangguran, inflasi dan sebagainya semua adalah di bawah draf paras yang diingini.

Begitu juga dengan pelaburan yang telah dilaburkan daripada pelabur dari luar negeri itu, kalau ditinjau dari segi tahun-tahun yang kebelakangan ini, seumpamanya pada tahun 1992 daripada jumlah keseluruhan nilai urusan di BSKL iaitu 227,000 juta yang dilaburkan daripada luar negeri iaitu 20% lebih kurang. Manakala pada tahun 1993 iaitu lebih kurang 50% dan untuk tahun 1994 lebih kurang 16%, jika kita perhatikan ini merupakan sebahagian yang tidak lebih daripada 20%.

Jadi, kalau Yang Berhormat dari Cheras bertanya soalan yang berbau politik atau untuk tujuan politik, jawapannya memang saya tidak payah menjawab soalan itu, tetapi untuk membetulkan pandangan yang sengaja diserongkan, saya perlu membetulkan, iaitu semua pertanyaan-pertanyaan yang ditujukan itu bercorak politik dan sengaja hendak memutarbelitkan keadaan yang sebenarnya. *[Tepuk]*

PUSAT KOMPUTER SETIAP DAERAH - CADANGAN PENUBUHAN

7. **Tuan Haji Mustafa bin Muda** minta Menteri Pendidikan menyatakan memandangkan penggunaan teknologi moden dalam bidang pendidikan khususnya dalam bidang komputer, adakah pihak kementerian mencadangkan penubuhan khusus Pusat Komputer di setiap daerah.

Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Dr. Fong Chan Onn]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan amat menyedari tentang kepentingan teknologi moden dalam pendidikan. Dari semasa ke semasa kementerian ini mengendalikan pelbagai aktiviti program yang menggalakkan pengkomputeran di sekolah.

Penubuhan pusat komputer di setiap daerah merupakan strategi jangka panjang pelaksanaan dasar pengkomputeran Kementerian Pendidikan ini.

Tuan Kamaruddin bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan kepada usaha kerajaan yang begitu gigih untuk membawa pendidikan komputer ke sekolah-sekolah, saya ingin mendapat penjelasan daripada kementerian, sama ada kementerian telah bersedia dengan guru-guru terlatih di setiap sekolah sekurang-kurangnya 2 orang guru yang terlatih, supaya perjalanan pendidikan ini berjalan dengan lancar?

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan memang sedar tentang pentingnya ada guru-guru yang mempunyai pengalaman di bidang komputer untuk menentukan dasar itu dilaksanakan dengan sepenuhnya.

Mulai tahun 1994 seramai 120 orang guru diambil setiap tahun bagi mengikuti kursus komputer dalam pendidikan selama 14 minggu di enam buah maktab perguruan. Program-program ini akan diperluaskan untuk menentukan bahawa kita ada guru-guru yang cukup untuk melaksanakan dengan jayanya program ini.

Tuan Md. Isa bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Terima kasih, di atas kesudian kementerian untuk menyediakan guru-guru yang cukup, untuk mengendalikan kelas komputer. Adakah pihak kementerian berhasrat untuk membekalkan komputer yang cukup?

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan akan menentukan bahawa kita akan menggunakan peruntukan yang cukup untuk menentukan sejauh mungkin setiap sekolah mempunyai kemudahan komputer untuk menentukan semua pelajar-pelajar kita, termasuklah sekolah-sekolah di kawasan-kawasan pedalaman mempunyai peluang untuk mempelajari komputer ini.

SISTEM PERUNDANGAN ISLAM - KEJAYAAN

8. **Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah** minta Perdana Menteri menyatakan bentuk-bentuk usaha yang telah dibuat bagi memberi kefahaman kepada masyarakat tentang kebaikan sistem perundangan Islam, dan setakat manakah kejayaan usaha tersebut.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tuan Yang di-Pertua, usaha memberi kesedaran dan kefahaman kepada masyarakat tentang kebaikan perundangan Islam memang telah lama dilaksanakan oleh kerajaan melalui program yang disusun seperti ceramah, kursus, seminar, penulisan di media cetak dan program perbincangan, temu bual dan forum di TV dan radio. Program tersebut dilaksanakan dengan terancang oleh agensi kerajaan yang terbabit dalam hal ini seperti BAHEIS, JPM, Jabatan-jabatan Agama Islam Negeri, IKIM, pusat-pusat pengajian tinggi dan sebagainya dengan kerjasama media-massa kerajaan dan swasta.

Setakat ini sambutan yang diberikan terhadap usaha yang dilaksanakan amat menggalakkan dan hasilnya boleh dibanggakan. Masyarakat kita telah dan sentiasa sedar tentang kebaikan perundangan Islam dalam kehidupan masyarakat.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Oleh kerana Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri telah membuat satu kenyataan seperti yang dilaporkan dalam beberapa akhbar hari ini bahawa dicadangkan satu undang-undang jenayah Islam yang boleh diterima pakai di negeri-negeri, yang

mencadangkan denda sebanyak RM6,000, penjara 3 tahun dan sebat sebanyak 6 kali, termasuklah kepada pesalah-pesalah zina. Adakah ini satu isytihar daripada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan ataupun daripada mana-mana badan Islam yang ditubuhkan oleh kerajaan?

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, kita ada satu jawatankuasa yang kita panggil Jawatankuasa Khas di peringkat kebangsaan bagi meneliti undang-undang syarak. Ini adalah salah satu keputusan atau pandangan yang dibuat oleh jawatankuasa tersebut tetapi pada prinsipnya apakah yang dicadangkan ini lebih praktikal daripada hukum hudud PAS Kelantan. Hukum hudud PAS Kelantan telah membuat beberapa perancangan tetapi satupun tidak jalan dan banyak di antara cadangan-cadangan ataupun hukum hudud yang dibuat oleh kerajaan Kelantan amat bercanggah dengan kehendak Islam itu sendiri. Pada padangan kita, kita telah berfikir membuat kerja beransur-ansur begini lebih baik daripada bercakap sahaja tetapi tidak buat langsung. Terima kasih. [*Tepuk*]

Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Oleh kerana Yang Berhormat Setiausaha Parlimen ada menyebut bahawa undang-undang hudud PAS di Kelantan itu tidak menepati dengan kehendak Islam, bolehkah Yang Berhormat nyatakan dari sumber manakah hukuman sebat enam rotan dikenakan kepada kesalahan berzina?

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya lebih menekankan ketidaktepatan hukum hudud Kelantan kerana kalau kita teliti daripada hudud PAS yang ada di tangan saya ini, beberapa perkara yang amat bercanggah. Di antaranya ialah masalah mukallaf. Selain daripada itu di antaranya masalah perlantikan Hakim yang membenarkan

mana sahaja bekas-bekas Hakim Mahkamah Besar ataupun Mahkamah Tinggi untuk menjadi Hakim di peringkat syariah di Kelantan tanpa mengira sama ada orang itu Islam ataupun tidak. Selain daripada itu, ada perbezaan hukuman di antara orang Islam dengan yang bukan Islam kalau membuat kesalahan sedangkan semasa Nabi dahulu dua orang Yahudi seorang lelaki dan seorang perempuan membuat kesalahan berzina, kedua-dua mereka telah dihukum. Ini di antaranya. Kalau kita tinjau, ini amat bersalahan.

Kita akui bahawa hukum sebat yang dikehendakkan dalam hukum hudud Al-Quran memang tidak siapa boleh menafikan bilangannya tetapi kita lebih yakin bahawa kita buat secara beransur-ansur dan insya-Allah, kemungkinannya akan kita buat secara penuh lebih praktikal daripada apa yang saya nyatakan yang dikehendaki oleh Kelantan itu sendiri.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat Tuan Mohamed Khaled bin Nordin.

[Soalan No.9 - Y.B. Tuan Mohamed Khaled bin Nordin tidak hadir]

PERSATUAN SUKAN/BELIA - LANGKAH MENGATASI MASALAH DALAMAN

10. Tuan Noh bin Omar minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan:

- (a) bilangan persatuan-persatuan sukan dan pertubuhan-pertubuhan belia di negara ini yang menghadapi masalah dalaman yang boleh menggugat keutuhan dan perpaduan dalam persatuan dan pertubuhan tersebut; dan
- (b) apakah langkah-langkah yang diambil oleh kementerian untuk mengatasi masalah ini.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Dato' Loke Yuen Yow]: Tuan Yang di-Pertua, sehingga kini lebih kurang 4,000 persatuan belia daripada lebih kurang 9,000 persatuan yang mengalami masalah-masalah dalaman di dalam persatuan. Masalahnya ialah yang berkaitan dengan ketidakaktifan pergerakan persatuan itu sendiri. Misalnya, mereka

tidak mengadakan mesyuarat agung tahunan dan tiada penyata kewangan dihantar kepada pihak Pendaftar Pertubuhan. Mereka tidak ada pelan tindakan tahunan, mereka menghadapi masalah sumber kewangan yang terhad, pemimpin-pemimpin tertinggi mereka itu kurang berminat di dalam menggerakkan aktiviti tetapi lebih berminat memegang jawatan dalam persatuan mereka itu.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai persatuan sukan pula, tiga persatuan boleh dianggap mempunyai masalah, iaitu Kesatuan Olahraga Amatur Malaysia, Persatuan Renang Amatur Malaysia dan Persatuan Lawn Tennis Malaysia. Penaja Rakan Sukan Kesatuan Olahraga Amatur iaitu Resort World telah membekukan tajaan. YTL Corporation, Rakan Sukan kepada Persatuan Renang Amatur Malaysia juga telah mengambil tindakan yang sama. Persatuan Lawn Tennis Malaysia menghadapi masalah kehadiran wakil ahli gabungan yang telah dibatalkan pendaftarannya dalam mesyuarat agung. Perkara ini masih lagi dalam budi bicara mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Belia dan Sukan telah menubuhkan satu jawatankuasa untuk mengkaji persatuan-persatuan belia yang bermasalah. Beberapa langkah jangka pendek dan jangka panjang dikenal pasti bagi mengatasi masalah persatuan-persatuan belia, iaitu memberi motivasi dan semangat kesukarelaan kepimpinan, melaksanakan beberapa Program Rakan Muda di dalam setiap persatuan. Menyediakan bantuan-bantuan khusus kepada program-program utama persatuan dan kementerian dan merangka strategi baru pembangunan persatuan NGOs dengan pendekatan baru Dasar Belia Negara.

Tuan Yang di-Pertua, bagi persatuan sukan pula, usaha sedang dijalankan untuk berunding dengan penaja persatuan berkenaan untuk mencari jalan supaya wang tajaan dapat disalurkan semula. Sementara itu kedua-dua persatuan berkenaan sedang mengambil

tindakan untuk memperbaiki pengurusan masing-masing dalam usaha untuk meyakinkan penaja masing-masing. Bagi kes Persatuan Lawn Tennis Malaysia, kedudukan mereka bergantung kepada keputusan mahkamah.

Sebagai tindakan jangka panjang, kementerian ini sedang menimbangankan Akta Pembangunan Sukan di mana di antara lain akan mewujudkan mekanisme bagi menangani masalah-masalah yang serupa secara lebih berkesan pada masa hadapan.

Tuan Hashim bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan saya ialah, tidakkah kerajaan bercadang untuk mewujudkan sebuah Institut Latihan Kepimpinan Belia bagi melatih pemimpin-pemimpin belia supaya lebih dinamik supaya masalah ketandusan pemimpin belia yang berkaliber dapat diatasi bagi mengatasi kelesuan persatuan-persatuan belia sekarang?

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, berbagai-bagai institut telah ditubuhkan dan program-program untuk menolong pemimpin-pemimpin belia supaya mereka dapat menguruskan persatuan mereka dengan lebih aktif dan berkesan. Sekiranya cadangan yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu adalah baik, kita akan timbangkan.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri memandangkan Persatuan Olahraga Amatur Malaysia merupakan satu badan yang amat penting untuk Sukan Komanwel kelak menghadapi masalah yang besar, adakah pihak kementerian sedar salah satu daripada sebab mengapa persatuan-persatuan sukan menghadapi masalah seperti itu ialah kerana penglibatan ahli-ahli politik di mana mereka tidak mempunyai masa yang cukup untuk memberikan perhatian untuk mempergiatkan lagi persatuan-persatuan tersebut. Dalam Persatuan Olahraga, presidennya ialah Timbalan Menteri Pendidikan tetapi sungguhpun Timbalan Menteri, banyak skandal, banyak penyelewengan dan juga nampaknya rasuah. *[Disampuk]* Sabar sedikitlah, soalan

akan datang. Adakah pihak kementerian akan membuat satu garis panduan atau satu kod etika, kod prilaku supaya, yang pertama, menghadkan penglibatan ahli-ahli politik supaya persatuan sukan tidak dipolitikkan; dan kedua, memastikan bahawa mereka mengikuti kod prilaku ini untuk menjamin persatuan sukan adalah betul-betul sihat? Sekian, terima kasih.

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan ini berbau politik lagi. Jadi susah bagi saya menjawab kerana saya tidak ingin jawab.

Walau bagaimanapun, di sini saya ingin menegaskan bahawa ahli-ahli politik yang terlibat di dalam persatuan-persatuan sukan tidak bermakna persatuan sukan itu tidak berjalan dengan licin dan baik. Seperti contoh, Persatuan Bola Keranjang tidak ada masalah, Persatuan Pingpong dan persatuan-persatuan lain tidak ada masalah. Yang bermasalah itu bukan ahli politik yang terlibat tetapi masalah itu adalah kerana orang-orang yang aktif dalam sukan dahulu yang bukan ahli politik apabila mereka terlibat dalam persatuan sukan itu mereka berpolitik lebih daripada ahli politik yang terlibat. Itu masalah.

Jadi, di sini saya hendak meminta supaya pemimpin-pemimpin persatuan-persatuan sukan yang ada dalam negara kita ini sekiranya mereka ingin memimpin persatuan sukan, lebih baik mereka memimpin dengan lebih aktif dan janganlah memegang jawatan sahaja dan tidak berminat untuk memimpinnya dengan berkesan. Jadi, itu bukanlah masalah. Terima kasih.

HUBUNGAN DIPLOMATIK MALAYSIA DENGAN NEGARA ASING

11. **Dato' Yap Pian Hon** minta Menteri Luar Negeri menyatakan hubungan Malaysia dengan negara lain serta peranan dalam dunia:

- (a) berapakah negara luar yang berhubung diplomatik dengan Malaysia;

- (b) berapakah pejabat perwakilan kedutaan besar yang telah dibuka setakat ini;
- (c) berapakah pejabat perwakilan konsulat jeneral yang telah dibuka setakat ini; dan
- (d) apakah peranan dan reaksi Malaysia sebagai salah satu anggota Suruhanjaya Bangsa-bangsa Bersatu bagi Hak-hak Asasi Manusia.

Timbalan Menteri Luar Negeri [Dr. Leo Michael Toyad]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat bilangan negara asing yang mempunyai hubungan diplomatik dengan Malaysia ialah 131 buah. Bilangan pejabat perwakilan Malaysia di luar negeri adalah 72 buah, terdiri daripada 43 kedutaan besar, 14 suruhanjaya tinggi, 2 perutusan tetap ke Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, 8 konsular Jeneral, 2 konsulat, 1 Pejabat Timbalan Pesuruhjaya Tinggi, 1 Suruhanjaya, 1 pusat persahabatan dan pertukaran perdagangan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia percaya bahawa isu hak asasi manusia adalah isu yang penting dan negara kita telah berusaha untuk memastikan keseimbangan dalam perbincangan antarabangsa berhubung dengan isu ini. Sebagai sebuah negara yang menyokong prinsip-prinsip yang terkandung dalam 'Universal Declaration of Human Rights', Malaysia menegaskan bahawa isu hak asasi manusia tidak harus digunakan sebagai alat politik untuk kepentingan negara-negara tertentu. Kita tidak bersetuju dengan penggunaan isu ini dan isu-isu seperti hak pekerja dan alam sekitar sebagai satu conditionality dalam hubungan perdagangan antarabangsa. Yang sebenarnya merupakan salah satu taktik protectionist.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia juga memberi perhatian kepada perkara-perkara yang berkaitan antara lainnya, soal pencabulan hak asasi manusia di beberapa negara termasuk Bosnia-Herzegovina, di Chechnya, wilayah-wilayah Arab yang diduduki khususnya Palestin dan juga kepada soal hak untuk pembangunan.

Sepertimana Dewan yang mulia ini sedia maklumkan, Malaysia telah dilantik sebagai Ahli Suruhanjaya ini pada tahun 1993 bagi tempoh tiga tahun. Pada sesi ke-51, Suruhanjaya Hak Asasi Manusia tahun ini, Malaysia telah dipilih mempengerusikan sesi tersebut dan telah mengendalikan perjalanan sesi tersebut dengan jayanya. Pada tahun ini juga, Malaysia telah dilantik semula sebagai Ahli Suruhanjaya tersebut untuk tempoh tiga tahun lagi, iaitu dari tahun 1996 hingga 1998.

Perlantikan Malaysia sebagai Pengerusi ke-51 Suruhanjaya Hak Asasi Manusia merupakan satu penghormatan kepada negara kita. Perlantikan Malaysia semula sebagai Ahli Suruhanjaya ini untuk tempoh kedua membuktikan bahawa pendekatan dan pendirian negara kita Malaysia mengenai isu-isu hak asasi manusia dianggap oleh masyarakat antarabangsa sebagai seimbang.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan peranan reaksi Malaysia sebagai salah satu anggota Suruhanjaya Bangsa-bangsa Bersatu bagi Hak-hak Asasi Manusia, kita menerima hakikat - saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri, iaitu hak asasi manusia itu adalah universal. Tetapi ada various shade and colours daripada satu country kepada negeri-negeri yang lain. Jadi, soalan saya, apakah tindakan dan macam manakah untuk penyelarasan pihak kerajaan supaya pandangan daripada semua kedutaan kita di luar negara yang berada di beratusan tempat di mana-mana antero dunia tidak mempunyai shade and colours yang berlainan juga.

Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini tidak begitu jelas, tetapi saya cuba menjawab bahawa dalam - boleh dikatakan interpretasi bahawa soal-soal yang dalam hak asasi manusia ini adalah pelbagai corak dan sebanyak-banyaknya adalah berselindung dengan adanya agenda-agenda yang tertentu. Jadi, yang penting saya katakan di

sini tadi ialah kita memang sentiasa mengambil berat isu-isu ini, dan kita harap perkara ini tidak menjadi satu “conditionality” atau menjadi satu alasan untuk negara-negara bertindak antara satu sama lain.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Soalan tambahan kepada soalan (d). Malaysia pernah mengadakan hubungan sebagai satu pengiktirafan kepada beberapa pertubuhan, seperti PLO, ANC sebelum daripada wujudnya apa yang dinamakan autonomi Palestin, dan ANC sebelum daripada mereka menang di Afrika Selatan. Saya ingin penjelasan ataupun mendapat jawapan, apakah halangan maka cara yang sama tidak diberi kepada Pertubuhan Perjuangan Pembebasan Chechnya, dan begitu juga kepada pejuang-pejuang Kashmir. Mengapa tidak diberi pengiktirafan yang sama kepada mereka?

Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat bahawa dua perkara dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah berbeza dari apa yang kita nyatakan di bawah perkara-perkara yang melibatkan Bosnia-Herzegovina dan juga wilayah Arab ini. Mengenai Chechnya ini kita telah, menerusi badan-badan Bangsa-bangsa Bersatu, dan juga badan-badan tertentu telah memberi sumbangan dari segi perikemanusiaan.

Mengenai soal yang lain itu, yang kedua tadi.....

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Kashmir.

Dr. Leo Michael Toyad:Kashmir itu adalah bukan seperti yang saya katakan tidak termasuk kategori dalam penganiayaan atau hak asasi manusia.

WANG PERUNTUKAN AHLI DEWAN RAKYAT - JUMLAH BAGI KAWASAN PARLIMEN PENAMPANG

12. **Tuan Paul Noutin** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) berapa jumlah wang yang diperuntukkan setiap tahun bagi kawasan Parlimen Penampang, yang mana lazimnya disebut sebagai peruntukan Ahli Dewan Rakyat; dan
- (b) berapakah daripada jumlah wang yang diperuntukkan telah digunakan sehingga sekarang dan apakah senarai penggunaan wang tersebut.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini tidak peruntukan yang disediakan oleh kerajaan yang disebut atau dipanggil sebagai peruntukan Ahli Dewan Rakyat atau Ahli Parlimen. Walau bagaimanapun, kerajaan ada menyediakan peruntukan dari semasa ke semasa untuk melaksanakan projek-projek kecil yang lazimnya dikenal pasti dan dipohon oleh Ahli Parlimen. Projek-projek kecil itu akan diselaraskan oleh pegawai daerah untuk kawasan yang berkaitan. Di samping itu, peruntukan untuk projek-projek kecil itu adalah berubah dari semasa ke semasa.

Bagi Parlimen Penampang, projek-projek kecil yang telah dikenal pasti dan dipohon oleh Ahli Parlimen yang berkenaan ialah sebanyak 37 projek. Projek-projek tersebut telah dan sedang dilaksanakan. Di antaranya ialah membina parit konkrit di Kampung Petagas Baru, membina jalan perkampungan di Kampung Lok Kawi Baru dan menyambung paip air di kampung nelayan dan di Kampung Tengah, Padang.

Tuan Paul Noutin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen iaitu untuk memastikan projek-projek kerajaan dikendalikan dengan efektif dan teratur, bolehkah Ahli Dewan Rakyat termasuk pembangkang dibekalkan dengan laporan kemajuan-kemajuan projek yang telah dirancang secara bulanan atau pun quarterly, dengan izin?

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Bagi projek-projek kecil yang ingin dilaksanakan oleh daerah, kita ada Jawatankuasa Teknikal yang menyelaras dan memerhatikan projek-projek kecil yang dibuat. Pada dasarnya, pada keseluruhan projek-projek kecil yang dibuat itu telah mengikut kehendak-kehendak yang ditetapkan.

Bagi pandangan saya, daripada Pegawai Daerah membuat laporan kepada wakil-wakil rakyat tentang projek kecil yang dilaksana, pada kiraan saya lebih baik Yang Berhormat sendiri datang ke Pejabat Daerah bertanya bagaimana perjalanan projek yang dijalankan itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ada lagi? Tuaran.

Tuan Yunof Edward Maringking: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, di kawasan Parlimen Panampang ini, meliputi juga kawasan lapangan terbang dan sekitarnya. Soalan saya kepada Setiausaha Parlimen ialah, ada satu jalan lintas dari lapangan terbang melalui Panampang menuju ke kawasan Tuaran dan menyambung ke kawasan Tuaran yang sudah lama tidak dibuat. Jadi, saya ingin bertanya, apakah sebabnya jalan raya itu tidak dibuat sehingga sekarang sedangkan keperluannya memang begitu penting?

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini terlalu khusus, tetapi pandangan saya eloklah Yang Berhormat sendiri bertanya kepada pihak jabatan yang berkenaan, bagaimana kedudukan jalan Yang Berhormat sebutkan itu. Kalau sekiranya perkara itu telah dimasukkan di dalam mana-mana program untuk melaksanakan projek itu, saya percaya kerajaan Barisan Nasional akan melaksanakan. Terima kasih.

SISTEM PAYUNG - KEJAYAAN PROGRAM

13. **Tuan Hashim bin Ismail** minta Menteri Pembangunan Usahawan menyatakan sejauh manakah sistem payung di mana pihak-pihak korporat yang ditaja oleh kerajaan seperti TNB, MAS, STM, PETRONAS dan lain-lain memberi naungan dan bantuan kepada usahawan-usahawan Bumiputera dalam usaha kerajaan mencapai matlamat mengwujudkan masyarakat usahawan dan perdagangan Bumiputera. Berikan contoh-contoh kejayaan tersebut.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dr. Haji Shafie bin Mohd Salleh]: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini terlalu awal untuk mengukur kejayaan program di atas yang

berasaskan sistem payung. Pada masa kini, TNB, STM dan PETRONAS sedang giat membantu usahawan yang telah dilantik dan usahawan baru yang akan dilantik supaya matlamat program ini tercapai sepenuhnya. Walau bagaimanapun, setakat 31hb Oktober 1995 sejumlah 54 usahawan telah dilantik oleh ketiga-tiga syarikat kerajaan dan 2 usahawan pelayung menjadi 56 kesemuanya. Nilai kontrak yang telah ditawarkan melebihi RM500 juta. Pecahan usahawan yang telah dilantik mengikut syarikat kerajaan adalah seperti berikut:-

	<u>Usahawan</u>
PETRONAS	22
TELEKOM MALAYSIA	18
TENAGA NASIONAL BERHAD	<u>14</u>
Jumlah:	<u>54</u>

Usahawan pelayung: TELEKOM 1 dan TENAGA NASIONAL 1. Terima kasih.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan.

Daripada konsep payung dan usahawan-usahawan yang telah dilantik oleh TNB, MAS, STM dan PETRONAS ini, apakah produk-produk yang telah dikeluarkan hasil daripada sistem payung ini? Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, mengikut laporan yang saya ada, mengenai produk-produk yang telah diusahakan oleh TNB, pertama ialah kabel ACSR, over head line accessories, cable accessories, street lighting lantern, feeder pillar dan untuk TELEKOM, mainhole cover, fabricated mainhole, full accessories dan telefon booths dan PETRONAS, produk yang dikeluarkan ialah plastic lubricant container spiral wood cascade, plant maintenance services, manufacturing elbows end users dan wearline completion equipment rental and services. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua[Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk soal jawab sudah cukup.

[Masa untuk pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No.9 dan No. 14 hingga 30 adalah diberi di bawah ini]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1996

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 1996

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas “Rang Undang-undang Perbekalan 1996 dan Anggaran Pembangunan 1996 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis”. *[Hari Kedua]*

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

**Maksud B.1,B.2,B.3,B.4,B.5,B.6,B.7,B.8,B.9,B.10,B.11,
B12 dan B.13 [Jadual] -
Maksud P.7 dan P.8 [Anggaran Pembangunan, 1996] -**

Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Kepala Bekalan B1 hingga B.13 serta Kepala Pembangunan P.7 dan P.8 di bawah Jabatan Perdana Menteri terbuka untuk dibahaskan sekarang. Marang.

3.40 ptg.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang [Marang]: Assalamualaikum, warah matullahi wabarakatuh. Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Maksud B.7, 050000 dalam perkara IKIM, 170000, Hal Ehwal Undang-undang, 180000. Dalam perkara yang ditimbulkan dalam masa soal jawab yang telah diberi jawapan oleh pihak Jabatan Perdana Menteri, saya suka menarik perhatian, kepada masalah-masalah kusut yang berlaku dalam masyarakat. Penyakit sosial, maksiat, kemungkaran dan lain-lain lagi yang diberi peranan kepada Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri, dan kepada Bahagian Hal Ehwal Agama Islam di bawah Jabatan Perdana Menteri, sehingga hari ini menunjukkan kepada kita bahawa apa yang dinamakan Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam dan segala peraturan yang lahir daripadanya telah menemui kegagalan dan jalan buntu bagi menghadapi masalah membanteras maksiat dan kemungkaran. Oleh kerana itu, saya merasakan adalah menjadi tanggungjawab, sudah tiba masanya bagi kerajaan khususnya bagi Jabatan Perdana Menteri supaya memainkan peranan yang lebih bersungguh bagi mengemukakan pelaksanaan undang-undang Islam di dalam mengatasi masalah masyarakat ini.

Apa yang sangat mendukacita, apabila kami mengemukakan Kanun Jenayah II Negeri Kelantan, sehingga hari ini tidak ada satu perbincangan yang melibatkan kami dan pihak kerajaan bagi sama-sama menunaikan tanggungjawab ke arah melaksanakan syariat Islam seperti yang diamanahkan kepada Jabatan Perdana Menteri. Setiap orang Islam perlu menyedari bahawa perkara-perkara yang dikemukakan dalam Kanun Jenayah II Negeri

Kelantan itu, tidak boleh ditolak mentah-mentah begitu sahaja kerana di dalamnya terdapat perkara-perkara yang nas ataupun yang dinaskan di dalam Quran, ayat-ayat Quran dan Hadis Nabi s.a.w.

Jawapan yang diberi oleh Setiausaha Parlimen tadi, menunjukkan tidak ada pengetahuan beliau dalam perkara tersebut. Di antaranya ialah ditonjolkan perkara perbezaan agama, perkara mukallaf, perkara perlantikan hakim yang selalu disebut sebagai alasan untuk menolak Kanun Jeyanah II Negeri Kelantan. Tidak dinafikan perkara-perkara ini termasuk di dalam perkara ijtihad yang diambil daripada nas Al-Quran bukannya dikemukakan secara melulu dan begitu sahaja.

Contohnya, sepatutnya pihak IKIM mengkaji, begitu juga pihak hal ehwal undang-undang agama Islam mengkaji berhubung dengan kesalahan-kesalahan yang melibatkan orang-orang yang bukan Islam. Kerana ia merupakan cara-cara yang pernah dilakukan oleh Rasulullah s.a.w. di dalam masyarakat majmuk sama ada menjatuhkan hukuman ataupun diberi pilih kepada orang yang bukan Islam.

Perkara memberi pilih kepada orang yang bukan Islam, sama ada mereka mahu dihukum ataupun tidak. Ini disebut oleh Allah di dalam Al-Quranul karim, Firman Allahu Taala di dalam suratul Maidah - mungkin oleh kerana ramai yang termasuk dalam jumlah 200,000 yang buta Al-Quran, seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri - maka kita tidak menyedari hakikat ini, Firman Allahu Taala [*Membaca ayat Al-Quran*] - Suratul Maidah, yang bermaksud: "Maka jika sekiranya mereka yakni orang-orang yang bukan Islam datang kepadamu dalam perkara yang dilakukan oleh mereka, maka hukumlah mereka ataupun berpaling daripada mereka yakni tidak menghukum

mereka. Jika kamu tidak menghukum mereka, maka mereka tidak memberi apa-apa mudarat kepada kamu. Dan jika sekiranya kamu menghukum mereka maka hukumlah dengan seadil-adilnya.” Ayat ini menyatakan pilihan, oleh kerana itu pihak IKIM boleh merujuk kitab-kitab tafsir yang ditulis oleh ulama-ulama dalam semua mazhab yang membincangkan dalam perkara sama ada untuk diberi pilihan ataupun tidak. Dan kita perlu menyedari dalam konteks negara kita, di mana Enakmen Pentadbiran Agama Islam tidak diberi kuasa untuk menghukum orang yang bukan Islam.

Apabila seseorang itu sudah keluar daripada Islam, walaupun orang Islam, tidak boleh dihukum mengikut Enakmen Pentadbiran Agama Islam. Maka bagi mengatasi masalah ini, kita perlu kembali kepada banyak perkara-perkara yang telah diijtihadkan oleh para ulama.

Contoh yang kedua, dalam perkara mukallaf, pihak yang berkenaan berbincang sepatutnya; para ulama telah mengemukakan umur dalam perkara mukallaf, ada yang menetapkan 15 tahun, ada yang menetapkan 18 tahun dan ada yang menetapkan dalam perkara harta anak-anak yatim - 25 tahun, sebagai umur untuk dibuat pertimbangan bagi seseorang itu. Oleh kerana perkara hudud, hukumannya keras, tindakannya tegas dan ia tidak boleh dilakukan sewenang-wenangnya, sesuatu kekeliruan dalam kes yang dikemukakan, tidak boleh dijatuhkan hukuman: “Tudraul hududubisy syubahat”, seperti yang dinyatakan oleh Nabi Muhammad s.a.w.

Hudud tidak boleh dijatuhkan apabila adanya syubahat. Dalam perkara umur baligh, ada yang mengatakan 15 tahun, kalau dihukum kepada yang berumur 15 tahun dalam perkara ini, maka dia bercanggah dengan pandangan yang mengatakan 18 tahun. Tetapi kalau dikira umur baligh itu sebagai 18 tahun, maka dia tidak bercanggah dengan mereka yang mengatakan 15 tahun. Bagi mengelakkan syubahat dalam perkara hudud, maka ditetapkan 18

tahun. Adapun dalam perkara mendirikan sembahyang, 15 tahun. Pihak yang berkenaan sepatutnya mengkaji perkara-perkara yang seperti ini.

Berhubung dengan perlantikan hakim, oleh kerana kita menghadapi karenah undang-undang Barat yang masih menyelimuti perundangan kita, maka hakim secara kolektif perlu diwujudkan, tidak berseorangan, dikumpulkan mereka yang mahir di dalam perundangan Islam dan di kalangan orang Islam yang mahir dalam perundangan Barat kerana di sana terdapat perkara yang berhubung dengan pengurusan dan pentadbiran undang-undang yang ada pada Barat boleh diambil pengajaran oleh kita.

Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, masa cukup.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Dan di sana ada perkara-perkara nas yang mesti ditetapkan. Jadi, itulah pandangan-pandangan saya, mudah-mudahan diambil kira oleh pihak kerajaan. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Gelang Patah.

3.46 ptg.

Tuan Chang See Ten [Gelang Patah]: Tuan Pengerusi, terima kasih kerana memberikan peluang kepada saya untuk membahaskan Belanjawan di peringkat Jawatankuasa ini.

Tuan Pengerusi, saya ingin mengambil perhatian pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Awam tentang masalah kekurangan pegawai-pegawai profesional di pihak berkuasa tempatan.

Tuan Pengerusi, kalau kita meninjau cara proses permohonan untuk sesuatu pembangunan, satu perkara yang paling aneh berlaku dalam jentera pentadbiran kita,

bangunan dilukis oleh arkitek yang bertauliah dan struktur bangunan serta kerja awam pula direka bentuk oleh jurutera profesional tetapi yang memeriksa dan mengawal reka bentuk mereka di peringkat pihak berkuasa tempatan ada pembantu teknik yang berkelulusan diploma.

Di sini, saya bukan berhasrat memperkecilkan kebolehan pembantu teknik tetapi secara rasionalnya kita harus menanya diri kita, sama ada mampukah pihak berkuasa tempatan yang diwakili pembantu teknik dapat mengenal pasti sepenuhnya masalah yang timbul di dalam reka bentuk yang rumit dan canggih khususnya?

Tuan Pengerusi, dalam konteks ini, saya ingin merayu kepada pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Awam supaya memberikan kerjasama kepada pihak berkuasa tempatan yang memohon kebenaran pengisian pegawai-pegawai profesional seperti arkitek, jurutera, peguam dan pegawai perancang untuk memastikan pihak pemaju, perunding dan kontraktor benar-benar melaksanakan tugasnya secara etika dan sempurna. Tambahan pula, untuk jangka masa yang panjang, penjimatan dari segi pengambilan pegawai profesional tidaklah menguntungkan berbanding dengan jumlah wang atau kerugian yang dialami dalam mana-mana bencana atau tragedi yang merupakan kecuaiian manusia.

Tuan Pengerusi, dari segi yang lain, saya juga mengesyorkan bahawa jabatan-jabatan kerajaan haruslah mempertingkatkan latihan kemahiran teknikal di kalangan pegawai kerajaan yang separa iktisas dan bukan iktisas. Selaras dengan zaman perkembangan teknologi canggih yang semakin mencabar, latihan teknikal ini termasuk kursus penggunaan komputer, pengurusan maklumat dan teknik pentadbiran. Dari masa ke semasa, mereka harus diberi pendedahan tentang teknik terbaru demi memperbaiki mutu kerja mereka.

Melalui cara ini ia akan dapat memperbanyakkan pengetahuan teknikal dan justeru itu dapat melipatgandakan produktiviti.

Tuan Pengerusi, negara kita masih menghadapi kekurangan pakar sains dan profesional. Oleh yang demikian, pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Awam perlu mengambil tindakan yang lebih berkesan untuk menarik balik rakyat negara kita yang berkelayakan sama ada pakar sains atau profesional untuk balik dari negara asing supaya berkhidmat di negara kita yang pesat membangun. Pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Awam perlu mengadakan skim gaji yang baik, suasana kerja yang sempurna dan sistem kenaikan pangkat yang adil dan saksama tanpa mengira kaum supaya mereka akan balik berkhidmat dengan kerajaan.

Tuan Pengerusi, di sini saya ingin mengambil perhatian mengenai Biro Pengaduan Awam di bawah Jabatan Perdana Menteri tentang pihak berkuasa tempatan iaitu Majlis Daerah Johor Bahru Tengah, Skudai, iaitu dalam kawasan saya yang sama ada kerana kekurangan tenaga teknikal atau tidak tahu atau enggan ambil tindakan terhadap pembinaan sebuah menara telekomunikasi yang tingginya 150 kaki atas sepetak tanah bangunan kediaman yang kosong tanpa kelulusan daripada pihak Majlis Daerah Johor Bahru Tengah. Tapak pembinaan menara telekomunikasi itu terletak di sebelah taman permainan kanak-kanak dan rumah-rumah kediaman di Jalan Bentara 3, Taman Tun Aminah, Skudai. Pembinaan menara itu dimulakan dalam bulan Julai tahun ini dan ianya hampir siap.

Walupun penduduk-penduduk serta wakil rakyat dan Ahli-ahli Majlis bersama-sama bertindak membuat aduan serta berdialog dengan pihak pegawai Majlis Daerah Johor Bahru Tengah dan pihak Binariang Sdn. Bhd. yang bertanggungjawab membina menara itu tetapi hingga sekarang pihak berkuasa Majlis Daerah Johor Bahru Tengah masih belum mengarahkan supaya menara itu dirobohkan seperti yang dilaksanakan oleh pihak Majlis

Perbandaran Ipoh. Sikap negatif atau tidak apa attitude, dengan izin, pihak pegawai Majlis Daerah Johor Bahru Tengah ini telah menimbulkan perasaan marah di kalangan penduduk-penduduk di Taman Tun Aminah dan mereka mempertikaikan tindakan ini seperti tindakan double standard, dengan izin, yang diamalkan oleh Pegawai Majlis Daerah Johor Bahru Tengah itu serta menyoalkan kewibawaan Wakil Rakyat dan Ahli-ahli Majlis.

Selain daripada tiada tindakan arahan roboh atau pindah dijalankan oleh pihak Majlis Daerah Johor Bahru Tengah, pihak Majlis Daerah JBT pun tidak memberikan jawapan bertulis kepada wakil penduduk dan Wakil Rakyat yang sudah 3 kali menghantar surat aduan sejak 31hb. Julai, tahun 1995. Saya sangat berharap pihak Biro Pengaduan Awam akan mengambil tindakan secepat mungkin supaya mengelakkan kehilangan keyakinan para penduduk di Taman Tun Aminah Skudai terhadap Majlis Daerah JBT sebagai sebuah pihak berkuasa yang benar-benar menjaga kepentingan orang ramai. Kerjasama pihak pegawai Majlis Daerah JBT dengan Wakil Rakyat serta Ahli Majlis adalah sangat penting demi menjaga imej baik kerajaan Barisan Nasional.

Tuan Pengerusi, dengan kata-kata yang demikian, saya harap perkara yang saya bawa itu dapat diambil perhatian oleh jabatan yang berkenaan. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Seputeh.

3.55 ptg.

Tuan Liew Ah Kim [Seputeh]: Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh perkara di bawah bidang kuasa Jabatan Perdana Menteri. Adakah kerajaan sedar bahawa DBKL telah meluluskan 2 projek pembangunan tinggi di lereng bukit iaitu 28 tingkat kondominium sebanyak 150 unit dan satu blok apartment 7 tingkat bersebelahan Jalan Taman Seputeh menyebabkan 400 orang penduduk di Taman Seputeh, Bukit Seputeh dan Taman Desa

Seputeh membuat bantahan kepada DBKL. DBKL telah juga memberitahu kepada penduduk-penduduk pada 28hb. Julai 1995 mahukan density, kependudukan di sini ialah daripada 60 orang seekar kepada 200 orang. Pertama, adakah density 200 orang seekar itu sesuai di kawasan lereng bukit dan keadaannya tentulah terlalu sesak.

Kedua, bagaimana DBKL masih mahu meluluskan projek pembangunan tinggi di lereng bukit, adakah DBKL tidak mahu belajar dengan tragedi hitam 11hb. Disember, 1993 jam 1.30 tengahari apabila satu blok kondominium Highland Towers di Jalan Ampang runtuh dan menyebabkan ianya menjadi tumpuan seluruh dunia selama 12 hari.

Tuan Pengerusi, adakah kerajaan atau DBKL akan mengkaji semula tentang projek pembangunan tinggi di Taman Seputeh ini memandangkan bantahan penduduk-penduduk mengenai implikasi kepada projek berkenaan. Tiga perkara yang dibangkitkan oleh penduduk-penduduk adalah amat serius sama ada DBKL menyedarinya apabila keputusan dibuat semasa meluluskan projek ini, iaitu satu bencana tanah runtuh yang boleh berlaku pada bila-bila masa disebabkan kedudukannya di lereng bukit. Kedua, kesesakan lalu lintas yang serius apabila penduduk semakin bertambah ramai dengan pembinaan projek tersebut. Ketiga, tidak sesuai dengan density kependudukan yang sepatutnya hanya 60 orang untuk satu ekar. Dengan masalah yang boleh menimbulkan bencana kepada manusia, apa lagi penduduk-penduduk yang sudah lama tinggal di kawasan perumahan ini, adakah DBKL akan memberhentikan projek pembinaan kondominium ini?

Tuan Pengerusi, sama ada pembangunan yang dilaksanakan sekarang untuk bermegah-megah atau kepentingan rakyat Malaysia, menara kembar di Jalan Raja Chulan memang boleh di jadikan glory untuk bermegah-megah. Tetapi adakah mempunyai jaminan bahawa keselamatan dalam tempoh beberapa tahun boleh dilaksanakan. Bagaimana DBKL memberi

kelulusan kepada tapak pembinaan menara kembar (twin towers) ini dalam masa yang singkat? Adakah DBKL mempunyai cukup masa membuat kajian sebelum meluluskan projek berkenaan seperti yang ditegaskan dalam Seksyen 258(5) - Uniform Building By-laws, 1984; dengan izin:

“notwithstanding that any plan, drawing or calculation have been approved by authority or local authority, the responsibility for the failure of any building or part of building shall *prima facie* lies with the person who submitted such plan, drawing or calculation”.

Adakah DBKL akan bertanggungjawab sekiranya berlaku sebarang malapetaka ke atas bangunan menara kembar yang sedang dalam pembinaan sekarang?

Adakah kita boleh harapkan kepada laporan sahaja apabila berulang lagi tragedi seperti Highland Towers dahulu? Dalam satu laporan sudah menjadi kebiasaan, suara majoriti lebih penting, sekalipun suara minoriti adalah terdiri dari pakar-pakar yang berwibawa.

Tuan Pengerusi, perintah atas kuasa Datuk Bandar mengisytiharkan satu jalan sebagai jalan awam seperti mahu dilaksanakan ke atas Jalan 2/149D di Seri Petaling sepanjang 328 meter seperti notis yang diberikan kepada penduduk-penduduk pada 21hb. Oktober tahun ini mengikut pelan Jabatan Kerja Awam dan Lalu Lintas, No. JKALL/DP/0166/6.95 bertarikh 17hb. Jun 1995 memang memberi masa kepada penduduk-penduduk membuat bantahan.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Adakah bantahan yang mereka sampaikan mengenai gantirugi atau lain-lain pampasan termasuk sebagai bantahan yang akan diterima sama ada jalan awam yang diisytiharkan sebagai milik Datuk Bandar ini memberi ruang kepada penduduk-penduduk mendapat

kemudahan DBKL termasuk gantirugi dan pengangkutan bagi mereka berpindah? Adakah dalam masa kita mahu memberi kemudahan kepada orang ramai, maka kepentingan warganegara yang lain, kira-kira 60 keluarga mesti dikorbankan? Saya harap perkara ini dapat diselesaikan dengan adil dan saksama atas peri kemanusiaan. Sekian.

Tuan Pengerusi: Mentakab.

4.02 ptg.

Tuan Fu Ah Kiow [Mentakab]: Tuan Pengerusi, izinkan saya memberi sedikit pandangan terhadap Anggaran Perbelanjaan Pembangunan, Maksud P.7 - Kod 03601 - Setingan di Kuala Lumpur berjumlah sebanyak RM4.1 juta.

Tuan Pengerusi, ekoran perkembangan yang pesat di Lembah Klang pada tahun 70-an, ia telah mengakibatkan penghijrahan rakyat beramai-ramai dari serata pelosok negara ke ibu kota untuk mencari rezeki dan mencari peluang. Ini telah mengakibatkan pertumbuhan kawasan setingan di merata tempat di ibu kota.

Kita tidak menafikan bahawa penduduk yang berhijrah ke ibu kota ini telah menyumbang dari segi tenaga manusia dan juga telah membangunkan ibu kota kita tetapi pada masa yang sama, fenomena ini telah juga membawa kesan-kesan negatif, sosio-ekonomi dan alam persekitaran di Kuala Lumpur termasuk disebabkan oleh kawasan-kawasan setingan, ia telah menjejaskan banyak projek kerajaan seperti projek pembinaan semula kawasan-kawasan tertentu dan juga projek-projek pembesaran/pengorekan sungai di Kuala Lumpur.

Tuan Pengerusi, mengikut angka yang saya perolehi, kita dapati bahawa pada tahun 1993, terdapat lebih kurang 70,000 orang yang telah mendaftar untuk menyewa rumah murah di Kuala Lumpur dan terdapat lebih kurang 90,000 mendaftar untuk membeli rumah dan ini

menunjukkan masalah setinggan dan masalah kekurangan rumah awam adalah begitu serius dan harus diberi perhatian.

Tuan Pengerusi, selama ini saya difahamkan DBKL telah mengambil beberapa tindakan untuk menangani masalah kekurangan rumah awam termasuk yang pertama, membina rumah pangsa kos rendah di beberapa tempat.

Yang kedua, membina rumah panjang sebagai tindakan sementara. Malangnya, walaupun rumah panjang adalah bertujuan untuk menempatkan setinggan-setinggan secara sementara tetapi ada beberapa tempat kawasan rumah panjang pun telah wujud selama 15 tahun seperti di Hulu Pudu dan juga di kawasan Lembah Pantai. Ini telah mewujudkan kawasan setinggan baru di kawasan rumah panjang.

Tindakan ketiga yang diambil oleh pihak DBKL ialah membina rumah kos sederhana dalam usaha sama dengan pihak swasta. Yang keempat ialah tindakan baru-baru ini, DBKL di bawah Program Perumahan Kos Rendah Khas di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan juga di bawah Kementerian Kewangan, DBKL telah mula membina rumah kos rendah tingkat tinggi di kawasan Datuk Keramat dan kawasan Gombak.

Tuan Pengerusi, walaupun DBKL telah mengambil tindakan tersebut tetapi nampaknya tindakan ini tidak berkesan untuk menangani masalah kekurangan rumah kos rendah di ibu kota. Sebenarnya kalau kita lihat Akaun Perumahan DBKL pada tahun 1992, Akaun Perumahan DBKL telah mencatat defisit terkumpul sebanyak melebihi RM120 juta dan ini jelas bahawa walaupun DBKL telah membelanjakan banyak wang untuk membina dan menangani masalah setinggan, nampaknya ia tidak berkesan.

Memang ada sebab-sebab tindakan yang diambil oleh DBKL tidak berkesan dan saya dapati sebab-sebabnya termasuk yang berikut:-

Yang pertama, pemaju swasta termasuk DBKL sebenarnya tidak minat membina rumah yang berharga kos rendah. Ini adalah disebabkan kos tanah di ibu kota adalah terlalu tinggi dan kalau ikut kiraan pihak DBKL, setiap rumah kos rendah yang dibina, kos pembinaannya ialah lebih kurang RM35,000 dan jika ia dijual dengan harga RM25,000, makna DBKL akan mengalami kerugian sebanyak RM10,000. Ini adalah satu sebab DBKL mencatat defisit yang begitu tinggi dalam akaun perumahannya. Begitu juga di pihak pemaju swasta. Oleh kerana kos tanah yang tinggi, mereka biasanya lebih berminat membina rumah kondominium atau rumah yang berkos lebih tinggi supaya mereka boleh mendapat keuntungan yang lebih lumayan.

Tuan Pengerusi, oleh sebab kekurangan minat oleh pihak swasta dan DBKL membina rumah kos rendah, salah satu akibatnya ialah bilangan rumah kos rendah dan rumah kos sederhana sentiasa tidak mencukupi untuk memenuhi permintaan dari rakyat di ibu kota dan khasnya mereka dari kawasan setinggan.

Faktor yang ketiga ialah pengagihan rumah kos rendah yang ada sekarang oleh pihak DBKL. Saya dapati ada setengah-setengah di antara mereka yang sebenarnya tidak layak telah diberi peluang untuk memperolehi rumah kos rendah dan ada di antara mereka, khususnya di kawasan-kawasan setinggan ada yang dinamakan sebagai setinggan profesional, dengan izin. Itu bermakna mereka yang sentiasa dan sengaja tinggal di kawasan-kawasan setinggan dengan tujuan apabila DBKL memnidahkan mereka, mereka boleh menuntut rumah panjang dan kemudian menyewakan kepada orang lain untuk mendapat keuntungan. Maka ini adalah faktor ketiga sebab-sebab DBKL tidak dapat menyelesaikan masalah setinggan di Kuala Lumpur.

Walaupun Bahagian Perumahan DBKL telah menggunakan komputer untuk mengendalikan segala permohonan rumah kos rendah dan rumah panjang di Kuala Lumpur, tetapi saya percaya kita perlu ketelusan supaya kita tahu siapa yang dapat diberi rumah kos rendah dan saya ingin mencadangkan supaya senarai nama mereka yang telah diberi rumah kos rendah dan rumah panjang dipamerkan di papan kenyataan di pejabat DBKL.

Faktor keempat ialah sebilangan setinggan, walaupun diperuntukkan peluang untuk membeli rumah kos rendah, tetapi oleh kerana mereka tidak mempunyai akaun dengan KWSP dan ada yang disebabkan oleh pendapatan mereka yang rendah, mereka tidak berkemampuan untuk membeli rumah kos rendah atau rumah kos sederhana. Jadi, oleh sebab faktor-faktor yang tersebut, selama ini DBKL nampaknya tidak dapat menyelesaikan masalah setinggan di ibu kota yang berterusan sejak tahun 1970-an.

Di sini saya ingin mengemukakan beberapa cadangan untuk pihak DBKL. Yang pertama ialah, saya ingin mencadangkan bahawa satu Lembaga Kemajuan Perumahan Kuala Lumpur ditubuhkan dengan kuasa merancang, membina dan menguruskan segala hal mengenai dengan perumahan DBKL dan Lembaga ini harus diberi kuasa yang mencukupi supaya dapat mencapai matlamat menangani dan menyelesaikan masalah setinggan di Kuala Lumpur.

Yang kedua.....

Tuan Pengerusi: Masa Yang Berhormat sudah cukup, Yang Berhormat.

Tuan Fu Ah Kiow: Dua minit lagi, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Satu minit sahaja.

Tuan Fu Ah Kiow: Okay. Tuan Pengerusi, cadangan kedua ialah, pihak kerajaan membenarkan DBKL meningkatkan penjualan sebahagian rumah kos rendah DBKL ke tahap

RM35,000 seunit dan bukan RM25,000 sebagai satu langkah yang pragmatik untuk menggalakkan lebih ramai pemaju membina rumah kos rendah.

Saya juga ingin menyarankan bahawa DBKL mempertingkatkan usaha mereka membina lebih banyak rumah kos sederhana supaya kita dapat menampung permintaan dari rakyat di ibu kota. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ya, yang di belakang sekali. Sri Gading.

4.15 ptg.

Tuan Hamzah bin Ramli [Sri Gading]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi kesempatan kepada saya. Saya ingin menyentuh kepada Butiran 050000, Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri di bawah Program/Aktiviti 0503000 - Dakwah dan Latihan.

Tuan Pengerusi, saya suka mengambil kesempatan ini untuk membongkar mengenai taktik dan kegiatan kumpulan anti hadis yang nampaknya begitu berleluasa sekarang ini.

Tuan Pengerusi, nampaknya kumpulan ini telah menukar taktik penyebaran kepercayaan mereka setelah buku *Bacaan* diharamkan oleh kerajaan baru-baru ini. Taktik terbaru yang digunakan oleh mereka ialah dengan membuat hantaran pos buku risalah secara percuma dari Singapura. Edaran mereka ialah kepada masyarakat Islam yang mempunyai nama dan kedudukan dalam masyarakat.

Baru-baru ini, seorang rakan saya ada menerima sebuah buku yang diterjemahkan oleh seorang yang menggelarkan dirinya Ustaz Nik Hashim Al-Muhhamaddy dari buku yang berjudul *Ayyushai'in-Akhbaru-Syahadah*. Buku itu diposkan daripada Singapura. Buku ini dihantar tanpa pengirim. Entah bagaimana mereka dapat tahu nama kenalan saya itu, saya

pun tidak tahulah. Ini bukunya, [*Sambil menunjukkan sebuah buku kecil di tangannya*] judulnya *Ayyushai'in-Akhbaru-Syahadah*, tulisannya pun dalam tulisan rumi.

Tuan Pengerusi, setelah membaca buku berkenaan, saya amat terperanjat dengan kandungan yang amat menyeleweng daripada ajaran Islam yang sebenarnya. Antara perkara-perkara yang dikupas oleh penulis ialah mengenai syahadah yang selama ini diamalkan oleh masyarakat Islam Ahli Sunnah Wal-Jamaah di dunia ini. Menurut penulis itu, syahadah yang diamalkan oleh umat Islam hari ini adalah bersumberkan daripada hadis palsu yang diriwayatkan oleh sahabat besar Nabi Muhammad s.a.w., Abu Hurairah.

Untuk menyokong hujah itu, beliau telah mengemukakan beberapa dalil daripada ayat Al-Quran dan disokong dengan cerita-cerita kutipan daripada sumber-sumber yang tidak sahih. Di akhir hujah itu, beliau menyatakan, perawi hadis ini iaitu Abu Hurairah adalah seorang munafik besar yang sengaja menambahkan perkataan “*Waashadu-anna Muhammadar Rasulullah*” dalam syahadah yang kita amalkan selama ini.

Di samping perkara itu, penulis juga telah cuba memperkecil-kecilkan dan memperlekeh peranan Imam-imam Al-Mujtahid Al-Muktabar seperti Imam Shafie, Imam Hanafi, Imam Maliki dan sebagainya. Di antara perkara yang ditonjolkan ialah dengan menuduh ulamak-ulamak berkenaan telah dengan sewenang-wenangnyanya membuat hukum-hukum yang karut-marut. Antaranya beliau menuduh Imam Shafie membuat hukum yang membolehkan seorang ayah berkahwin dengan anak luar nikahnya sendiri.

Yang kedua, menuduh Imam Malik bin Annas yang dikatakan dipetik daripada buku *Al-Muathak* Bahagian 30, Hadis No. 12 dengan menyatakan bahawa “*Kalau seorang lelaki dewasa ingin menjadi muhrim dengan seorang wanita dewasa, mereka bolehlah menghisap susu wanita itu sekurang-kurangnya lima kali*”.

Jadi kedua-dua tuduhan itu adalah tidak benar sama sekali. Begitu juga sekali daripada hukum yang telah diisbatkan. Yang peliknya, penulis buku itu dengan bangga menyatakan bahawa warkah buku yang diedarkan secara percuma itu menunjukkan beberapa ayat yang paling jelas dengan tiada sebarang tafsiran, sama ada melalui ijihad ulamak, ijmak ulamak, qias atau lain-lain.

Jika mentafsir Al-Quran dibuat dengan berpandukan daripada disiplin ilmu yang telah ditentukan oleh ulamak-ulamak, sudah tentu ianya akan menyeleweng. Kalaulah begitu mudah sekali mentafsir Al-Quran, sudah tentu sesiapa sahaja yang tidak berilmu pun boleh mentafsirkan mengikut fahaman masing-masing.

Cuba bayangkan, Tuan Pengerusi, jika buku ini diedarkan dan dibaca oleh kalangan mereka yang kurang mempunyai pengetahuan agama Islam yang sewajarnya. Hari ini diedarkan buku-buku mengenai kepalsuan syahadah, mungkin esok diedarkan pula buku yang mengatakan sembahyang hanya perlu dibuat tiga kali sehari, mungkin akhirnya ia akan mengedarkan pula dengan menidakkan kewujudan Nabi Muhammad sebagai pesuruh Allah.

Tuan Pengerusi, salah satu sebab mengapa golongan ini begitu berani mengedarkan buku-buku yang seumpama ini dan cuba untuk menyemai fahaman-fahaman dalam masyarakat ialah kerana belum ada tindakan yang benar-benar serius yang diambil oleh pihak berkenaan ataupun pihak kerajaan untuk membendung kegiatan-kegiatan kumpulan ini. Kalau tindakan keras boleh diambil terhadap kumpulan Al-Arqam, maka sekali lagi saya dalam Dewan yang mulia ini mengharapkan supaya tindakan yang serupa diambil kepada pendokong-pendokong kumpulan jahat ini.

Tuan Pengerusi, di sini saya merayu kepada pihak kerajaan khususnya Pusat Islam dengan kerjasama Kementerian Dalam Negeri supaya mengambil tindakan sewajarnya, kalau

boleh siasatlah hingga ke akar umbi siapakah dalang di sebalik fahaman kaum munafik ini. Saya percaya memang gerakan ini dipelopori oleh mereka yang benar-benar irihati dengan kebangkitan umat Islam pada masa sekarang ini.

Kepada rakan-rakan akhbar yang duduk di belakang saya ini, tolonglah sebarkan perkara ini kepada masyarakat agar bahayanya taktik golongan ini. Saya percaya jika akhbar boleh memainkan peranannya, insya-Allah umat Islam tidak akan terkeliru dengan taktik dan dakyah jahat mereka ini. Saya percaya jika tindakan tidak diambil kepada pihak-pihak yang berkenaan, kegiatan ini akan terus menular dalam masyarakat dan akhirnya akan menimbulkan keadaan kacau bilau di kalangan umat Islam nanti dan sebelum nasi menjadi bubur, maka mudah-mudahan satu tindakan yang tegas akan diambil.

Sekian, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Cheras.

4.23 ptg.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada Butiran 020000 di bawah Program Penswastan.

Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk pengumuman yang dibuat oleh Menteri Kerja Raya kelmarin bahawa kerajaan tidak ada pilihan kecuali membenarkan PLUS menaikkan kadar tol Lebuh Raya-Utara Selatan sebanyak 33.3% iaitu menjadikan 10 sen setiap kilometer. Jika tidak, kata beliau, kerajaan akan membayar pampasan sebanyak RM1 bilion kepada PLUS.

Sungguhpun objektif penswastan ialah untuk meringankan bebanan kewangan kerajaan dan menyediakan lebih banyak kemudahan untuk rakyat tetapi saya ingin mengutuk kerajaan dalam perkara ini bagi kepentingan orang ramai yang sudah dikorbankan dan

mengadakan syarat-syarat yang tidak adil bagi mereka. Ini mengingatkan kembali saya kepada bantahan kutipan tol di Cheras yang mana jika kerajaan memberhentikan kutipan tol oleh Syarikat Metramac Corporation, kerajaan perlu membayar pampasan RM100,000 setiap hari kepada Metramac.

Menurut kenyataan Menteri Kerja Raya, bahawa dalam tempoh enam tahun kadar boleh dilaraskan dua kali setiap tiga tahun dan selepas tempoh enam tahun, kadar kenaikan ialah 6% setiap tahun. Saya tidak tahu mengapa kerajaan boleh bersetuju dengan syarat yang menekan. Kerajaan selama ini melaungkan Kempen Inflasi Sifar, mendesak rakyat jimat berbelanja tetapi kerajaan sendiri bertindak menyebabkan inflasi meningkat. Beratus ribu ringgit rakyat terpaksa berbelanja untuk bayaran tol untuk perjalanan dari utara ke selatan setiap hari. Malah kenaikan kadar tol 6% pun masih tinggi dari kadar inflasi 3.5%. Selain syarat yang kita ketahui, masih banyak lagi syarat yang tidak diketahui yang memihak kepada PLUS. Ia seumpama tip of the iceberg, dengan izin, kerana perjanjian penswastan lebuhraya antara kerajaan dan PLUS adalah tertakluk kepada Akta Rahsia Rasmi.

Dengan persoalan kutipan tol lebuhraya seluruh negara, sama ada oleh PLUS atau syarikat lain telah membuktikan bahawa kerajaan telah melakukan great deservice kepada rakyat. DAP sudah banyak kali meminta kepada kerajaan supaya mengumumkan secara terbuka isi kandungan semua perjanjian konsesi antara kerajaan dengan pihak swasta untuk membolehkan semua pengguna dan rakyat umum mengetahui sepenuhnya kerana ini adalah hak mereka sebagai pembayar cukai.

Keengganan kerajaan melakukan ketelusan dan juga membantu mengelakkan syak wasangka, tidak puas hati dan kemarahan rakyat serta membuktikan tiada apa yang perlu

disembunyikan mengenai syarat yang bertentangan dengan kepentingan rakyat seluruhnya telah mendorong rakyat berfikiran sebaliknya terhadap tindak-tanduk kerajaan itu.

Saya berharap kerajaan akan memansuhkan sekatan OSA ke atas penswastaan dan perjanjian konsesi projek jika ia benar-benar hendak membuktikan ketelusan, keterbukaan dan keikhlasan yang dilaung-laungkan selama ini untuk tidak menyembunyikan sesuatu.

Tuan Pengerusi, dalam hubungan ini, saya harap Kabinet mengambil pendirian tegas supaya segala permintaan untuk menaikkan kadar tol ditolak di samping kerajaan mengambil tindakan untuk mengkaji semula perjanjian konsesi yang ditandatangani oleh kerajaan dengan PLUS bagi kepentingan pengguna-pengguna jalan untuk jangka masa panjang. Saya pasti jika kerajaan berhasrat hendak menjaga kepentingan rakyat dan mempunyai political will, maka ia patut berbuat sesuatu untuk menyelesaikan masalah ini.

Tuan Pengerusi, seterusnya saya ingin merujuk kepada Butiran 090000 - Bahagian Wilayah Persekutuan mengenai Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Saya ingin membangkitkan persoalan Datuk Bandar. Sebagaimana kita ketahui bahawa pada 13hb. Disember tahun ini, Datuk Bandar Kuala Lumpur sekarang iaitu Dato' Dr. Mazlan bin Ahmad akan tamat perkhidmatan dan akan digantikan dengan Datuk Bandar baru dan beliau adalah Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, Dato' Kamaruzzaman bin Shariff. Saya ingin mengalu-alukan pertukaran ini kerana wargakota Kuala Lumpur sangat memerlukan seorang Datuk Bandar yang benar-benar bertanggungjawab, berwawasan, berkaliber, liberal dan efektif. Kita tidak tahu adakah bakal Datuk Bandar adalah calon yang sesuai bagi kedudukan tersebut memandangkan beberapa bekas Datuk Bandar terbukti gagal dalam tugas mereka dalam banyak bidang dan kita boleh membayangkan bagaimana kecewanya penduduk-penduduk Kuala Lumpur sejak beberapa tahun kebelakangan ini.

Apabila bekas Datuk Bandar, Tan Sri Elyas bin Omar meletakkan jawatan kerana banyak melakukan wrong doings, dengan izin, oleh beliau sendiri dan pegawai-pegawai DBKL termasuk penyalahgunaan kuasa, tiada akauntabiliti ke atas pengurusan wang awam, pembaziran dan sebagainya; kita harap Datuk Bandar yang menggantikannya adalah orang yang lebih baik tetapi malangnya Dato' Dr. Mazlan bin Ahmad telah menyebabkan kita hilang rasa hormat dan bangga kepadanya dan saya ingin sebutkan beberapa contoh di sini.

- (i) Beliau tidak sanggup menerima kritikan walaupun kritikan itu membina;
- (ii) Beliau menghina Wakil-wakil Rakyat dari Parti Pembangkang, bersikap tidak mahu bekerjasama dengan kami meskipun kami dipilih oleh rakyat. Bagi menyokong kenyataan saya ini, beliau didapati enggan membenarkan Ahli-ahli Parlimen termasuk dari Barisan Nasional dan pembangkang memberi pandangan dan komen mereka terhadap dasar-dasar DBKL dan Belanjawan Tahunan DBKL;
- (iii) Dalam tempoh jawatan sebagai Datuk Bandar, banyak masalah tidak diselesaikan, sebaliknya semakin buruk seperti masalah kesesakan lalu lintas, setinggan, banjir kilat, pencemaran, kekurangan pengawasan ke atas pemaju-pemaju perumahan yang tidak bertanggungjawab dan lain-lain.

Tuan Pengerusi, saya ingin mengingatkan kerajaan bahawa kedudukan Datuk Bandar adalah satu jawatan yang paling penting kerana Kuala Lumpur adalah ibu negara dan untuk memberi satu gambaran yang baik kepada dunia, maka Kuala Lumpur patut menjadi sebuah bandar raya yang maju, progresif dan mutu hidup rakyatnya harus sentiasa berada di atas.

Ramai yang rasa bahawa jawatan Datuk Bandar ini lebih berprestij, comfortable daripada Menteri-menteri Kabinet kerana beliau menikmati profil pentadbiran dan kedudukan sosial yang tinggi dan sangat berkuasa sebagai decision maker dalam dasar-dasar Dewan Bandaraya kerana beliau tidak payah menjawab soalan di Parlimen, tidak payah accountable secara langsung di Parlimen atau Dewan Negeri. Ini mendorong seseorang Datuk Bandar menjadi arrogant, cenderung melakukan salahguna kuasa.

Kami dalam DAP sangat kecewa kerana tiada pilihan raya untuk memilih Datuk Bandar menerusi proses demokrasi seperti yang diamalkan oleh banyak negara di dunia ini yang membenarkan rakyat memilih Datuk Bandar mereka sendiri. Dalam hubungan ini, penubuhan Lembaga Penasihat DBKL adalah memenuhi maksud kosmetik sahaja. Ia tidak berkesan kerana Ahli-ahli Lembaga ini dilantik dari kebanyakan mereka yang tidak mempunyai kelayakan memegang jawatan dan mereka sering lost touch, dengan izin, dengan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum pemilihan Datuk Bandar dan Ahli-ahli Lembaga secara demokrasi menjadi kenyataan, saya ingin menggesa kerajaan supaya membenarkan Ahli-ahli Parlimen baik daripada parti Barisan Nasional mahupun pembangkang menjadi Ahli Lembaga Penasihat secara automatik dan diberikan kuasa sebenar. Bukan seperti yang diamalkan sekarang, kerana sekadar berfungsi memberi nasihat dan nasihat itu tidak pun diterima pakai oleh Datuk Bandar. Maka kewujudan lembaga ini tidak ada ertinya, kalau lembaga ini terus-menerus berfungsi demikian, adalah baik dibubarkan sahaja dan ini tidak akan merugikan wang pembayar cukai.

Berkaitan dengan Laporan Tahunan DBKL, di sini saya ingin mengutuk ketidakbertanggungjawaban Datuk Bandar dan pegawai-pegawai DBKL kerana sikap mereka

menyebabkan Laporan Tahunan DBKL lewat diserahkan untuk diaudit dan dibentangkan di Parlimen.

Dalam tahun 1995 kita hanya baru menerima laporan tahun 1992 sahaja iaitu pada bulan Julai yang lalu. Memandangkan laporan tahunan sejak beberapa tahun kebelakangan mencatatkan laporan negatif mengenai penyalahgunaan wang rakyat dan banyak jumlahnya tidak pula diaudit atau accounted for. Maka saya bimbang dalam Laporan Tahunan DBKL 1993 dan 1994 yang belum dibentangkan itu berkemungkinan memuatkan banyak 'wrong doings' dalam tahun-tahun tersebut.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah cukup.

Tuan Tan Kok Wai: Saya menggulung sekarang.

Tuan Pengerusi: Ya.

Tuan Tan Kok Wai: Seperti yang ditunjukkan oleh Ketua Audit Negara mengenai DBKL sangat tidak accountable terhadap penggunaan dan perbelanjaan wang rakyat. Jadi, saya ingin menggesa kerajaan supaya mengambil tindakan disiplin yang keras terhadap semua pegawai dan kakitangan termasuk Datuk Bandar sendiri, kalau ada di kalangan mereka yang tidak menunaikan tugas dan tanggungjawab sebaik-baiknya ataupun telah membazirkan wang rakyat ataupun menyalahgunakan public fund. Ini amat penting, Tuan Pengerusi, kerana langkah ini adalah sebagai cara untuk memenangi balik keyakinan rakyat terhadap DBKL yang semakin merosot.

Seterusnya tindakan disiplin harus diambil ke atas mereka yang bertanggungjawab menyebabkan kelewatan pembentangan Laporan Tahunan DBKL kerana ia menyalahi peraturan dalam Akta Kerajaan Tempatan itu sendiri.

Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Sri Gading.

Dato' Hon Choon Kim: Seremban.

Tuan Pengerusi: Ya, Seremban.

4.34 ptg.

Dato' Hon Choon Kim [Seremban]: Tuan Pengerusi, saya mengucapkan berbanyak terima kasih kerana diberi peluang berucap.

Saya ingin menyentuh tentang Maksud B.7, Butiran 010600 - Urusetia Perancangan Lembah Klang. Ini juga adalah pesanan daripada penduduk-penduduk di kawasan Seremban kerana mereka minta saya sampaikan ke Parlimen.

Tuan Pengerusi, perkara yang saya ingin sentuh ialah berkenaan cadangan yang dikemukakan dahulu untuk membina jalan lingkaran (ring road) di Bandar Seremban. Perkara ini telah lama dicadangkan kepada pihak kementerian, tetapi nampaknya masih belum ada apa-apa tindakan lagi. Oleh kerana itu, saya merayu balik dalam Parlimen supaya perkara ini dapat dipertimbangkan.

Tuan Pengerusi, Seremban adalah sebuah bandar yang giat membangun dan kini telah menjadi satu bandar yang begitu sibuk dan bilangan penduduk pada masa sekarang ini adalah lebih kurang 200,000 orang dan dianggarkan menjelang tahun 2000 jumlah penduduk akan bertambah kepada 350,000 orang.

Pada tahun 1984 satu survey telah dibuat tentang hak milik kenderaan dan didapati bahawa menjelang tahun 2000 jumlah hak milik kenderaan dan keluarga yang mempunyai sebuah kereta adalah sebanyak 40%, manakala keluarga yang mempunyai lebih daripada sebuah kereta adalah 29%. Keluarga yang tidak mempunyai kenderaan pula hanya 9%. Ini dapat menunjukkan bahawa Bandar Seremban ini mempunyai banyak trafik.

Dalam kajian yang sama juga, dalam tahun 1984 pada hari biasa terdapat sebanyak 153,000 kenderaan/perjalanan (vehicle trip) untuk satu hari. Jadi, pada masa sekarang angka ini telah meningkat. Saya yakin dan percaya usaha juga telah dilaksanakan oleh Majlis Perbandaran Seremban untuk menyelesaikan dan mengurangkan kesesakan trafik dalam bandar, antaranya ialah untuk melaksanakan sistem laluan sehala (one-way traffic) yang telah diperkenalkan pada 1hb April 1991. Juga pelbagai masalah yang telah dihadapi, apabila system one-way traffic telah diperkenalkan, di antaranya ialah pejalan kaki yang sekarang ini sangat susah untuk menyeberang jalan, khususnya pada waktu siang hari bilangan kereta begitu banyak.

Lagi satu langkah yang telah diambil ialah untuk memusatkan bengkel-bengkel yang terdapat di sekitar bandar. Ini pun telah dilakukan pada tahun 1987 dan beberapa kawasan telah diwujudkan untuk menempatkan bengkel-bengkel yang terdapat di Seremban.

Satu lagi langkah yang telah diambil ialah membekukan lesen penjaja untuk tujuan bahawa ini akan dapat mengurangkan trafik masuk ke bandar. Lagi satu cara ialah untuk memindahkan sekolah dan sebuah sekolah telah pun dipindahkan daripada pusat bandar ke luar bandar.

Tuan Pengerusi, walaupun langkah-langkah telah dibuat untuk membantu menyelesaikan masalah ini, nampaknya apa yang telah dilaksanakan tidak mencapai matlamat yang kita kehendaki. Oleh kerana itu, saya ingin mencadangkan supaya kita timbang balik untuk membina jalan lingkaran (ring road). Seperti yang saya sebutkan tadi, memang cadangan ini telah lama dikemukakan kepada pihak kementerian dan perkara ini masih belum dapat apa-apa jawapan lagi. Dalam cadangan ini, panjang keseluruhan jalan yang telah dicadangkan ialah sebanyak 17.6 kilometer dan anggaran pembinaan pada tahun 1984 ialah

hampir RM60 juta. Saya rasa, angka ini mungkin meningkat sebab sekarang ini kos pun telah meningkat.

Tuan Pengerusi, saya minta supaya Kerajaan Pusat dapat memberi pertimbangan supaya dapat menjalankan projek ini dan dengan projek ini, saya rasa ini mungkin dapat membantu rakyat Seremban menyelesaikan traffic jam yang begitu serius pada masa sekarang. Jadi, saya suka mencadangkan kalau Kerajaan Pusat tidak berhasrat untuk melaksanakan seluruh projek yang telah dicadangkan mungkin boleh menimbangkan bahawa sebahagian projek yang dirasakan utama, yang dirasakan penting mungkin boleh diberi pertimbangan untuk melaksanakan khususnya ialah segmen 5 dan 6 sebagai projek yang diberikan keutamaan. Dengan segmen 5 dan 6, jikalau dapat diselesaikan, maka traffic flow dengan izin, daripada utara, daripada Kuala Lumpur mengikut jalan lama yang ingin menuju ke Rasah, PD dan lebuh raya daripada memasuki Bandar Seremban, dengan cara ini, perkara ini dapat kita membantu rakyat Seremban untuk menyelesaikan masalah. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ya, Batang Sadong.

4.40 ptg.

Cik Sukinam Domo [Batang Sadong]: Tuan Pengerusi, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk turut serta membahaskan Belanjawan dalam peringkat jawatankuasa.

Tuan Pengerusi, saya ingin membahaskan Maksud B.8 Butiran 010000 - Jabatan Perkhidmatan Awam.

Tuan Pengerusi, oleh kerana saya bekas pegawai pendidikan, saya akan merasa terkilan kalau saya tidak menimbulkan masalah perkhidmatan yang dihadapi oleh guru yang

ada kaitan langsung di bawah bidang kuasa JPA. Pertama ialah urusan naik pangkat dan pergerakan gaji. Sekarang ini apabila SSB dilaksanakan, urusan naik pangkat dan pergerakan gaji hanya menggunakan prestasi penilaian berdasarkan prestasi penilaian di bawah SSB.

Telah banyak sungutan dan aduan dibuat berhubung dengan ketidakadilan dalam prestasi penilaian di bawah sistem SSB, namun nampaknya pihak JPA masih belum yakin akan aduan itu dan JPA masih yakin bahawa sistem SSB ini boleh dilaksanakan dan boleh berjaya. Tetapi pada pandangan saya, penilaian di bawah SSB ini tidak applicable, dengan izin, untuk semua jabatan. Bagi perkhidmatan pendidikan (perguruan), saya rasa sistem penilaian di bawah SSB ini tidak akan dapat keadilan dan kepuasan di kalangan guru. Kalau tidak ada keadilan dari segi penilaiannya sudah tentulah markahnya tidak dapat digunakan untuk urusan naik pangkat dan pergerakan gaji.

Perlu diketahui, di dalam perkhidmatan perguruan bilangan stafnya begitu ramai, lebih 200,000. Penilainya juga beribu-ribu. Misalnya, di Sarawak sahaja penilai pertama lebih 1,000 bahkan dua, tiga orang penilai pun tidak akan dapat keselarasan dari segi pemarkahan apatah lagi beribu-ribu penilai. Dari segi itu sukar hendak mendapatkan keobjektifan penilaiannya dan sifat profesionalisme penilai itu juga akan berbeza-beza. Justeru itu saya merasakan bahawa sistem penilaian atau permarkahan di bawah SSB ini tidak dapat digunakan. Bukan maksud saya bahawa sistem penilaian SSB ini tidak baik. Ianya amat baik kerana ia memberi peluang kepada si penilai dan orang yang dinilai berbincang dan memberi peluang kepada orang yang dinilai meningkatkan prestasi dari sejak awal sehingga akhir tahun. Tetapi secara pelaksanaannya amatlah sukar bagi perkhidmatan pendidikan kerana bilangan staf yang begitu ramai dan kebanyakannya tidak dijalankan dengan begitu teliti seperti kehendak SSB.

Tuan Pengerusi, seperti contoh, kalau seorang penilai hendak menilai katalah 40 orang Pengetua, kalau mengikut sistem SSB, seseorang penilai itu perlu melawat seorang Pengetua itu sebulan sekali untuk mengetahui benar-benar apa yang dibuat Pengetua di sekolah, seolah-olah penilai itu bertindak sebagai auditor, dengan izin. Kalau tidak, penilai itu tidak akan tahu apa yang sebenar-sebenarnya berlaku di sekolah. Di dalam hal ini si penilai tidak ada tugas lain cuma melawat Pengetua Sekolah itu sepanjang tahun dan tugas-tugas lain akan diabaikan. Sebab itulah kebanyakan penilaian yang dibuat tidak akan sebegitu teliti dan juga penilai yang kita ketahui, misalnya di kalangan Guru Besar adalah berbeza-beza kelayakan. Oleh sebab itulah saya dan kebanyakan guru merasakan bahawa sistem penggunaan markah penilaian prestasi ini untuk urusan naik pangkat dan pergerakan gaji tidak adil. Saya dan guru-guru di Sarawak memohon supaya ianya dikaji semula. Cari kaedah lain untuk urusan naik pangkat dan pergerakan gaji. Sistem ini dahulu pernah digunakan di syarikat Shell kemudiannya didapati tidak berkesan dan dihapuskan.

Saya rasa sistem penilaian SSB dan menggunakannya untuk urusan pergerakan gaji hanya lebih sesuai untuk jabatan yang kecil, bukannya jabatan besar seperti Perkhidmatan Pendidikan. Saya sarankan supaya ianya dikaji semula. Kalau boleh kita gunakan sistem lama untuk urusan naik pangkat iaitu dengan mengadakan penilaian prestasi khas dan melalui permohonan guru-guru yang ingin hendak naik pangkat.

Tuan Pengerusi, satu lagi kalau boleh, seperti yang pernah disarankan dalam Dewan yang mulia ini, urusan saraan perkhidmatan pendidikan hendaklah diasingkan dari perkhidmatan-perkhidmatan awam atau jabatan-jabatan yang lain. Saya sarankan supaya ianya diserahkan kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan yang setakat ini tugas SPP begitu terhad, tidak merangkumi urusan saraan.

Yang kedua, masalah berkaitan dengan guru ini ialah masalah perubahan skim yang mengakibatkan segolongan guru menjadi mangsa. Maksud saya ialah victim of circumstances, dengan izin. Saya beri contoh, kita dapati masih ada beribu, kalau di Sarawak masih ada 600 atau 700 orang guru-guru yang kelayakan Tingkatan III dahulu yang sekarang ini masih berkhidmat. Dahulunya guru ini dipanggil B10. Apabila SSB diperkenalkan, guru-guru ini tidak dianggap guru yang disahkan, iaitu belum disahkan, kerana dalam SSB guru-guru ini akan ditempatkan di bawah sekali iaitu DG6 dan guru-guru ini dianggap belum layak untuk DG6 walaupun mereka sudah disahkan dalam jawatan asalnya. Dalam syarat-syarat skim asalnya sudah disahkan bahkan sudah pun menjalankan tugas Guru Besar dan berkorban bertugas di luar bandar selama 15 tahun menjadi Guru Besar tetapi apabila masuk SSB mereka ini dianggap bukan guru DG6. Untuk membolehkan mereka dimasukkan dalam guru DG6, mereka perlu menghadiri kursus peningkatan keilmuan duabelas minggu.

Tuan Pengerusi, perlu diingat kebanyakan guru-guru ini berumur 45 tahun ke atas. Selepas kursus 12 minggu untuk ditempatkan ke dalam DG6 mereka perlu menghadiri satu minggu lagi kursus - dahulu lima minggu - terima kasih kepada JPA mengurangkannya kepada satu minggu, iaitu kursus induksi untuk disahkan dalam DG6 walaupun mereka sudah berpuluh tahun bertugas dan sudah disahkan dalam jawatan yang lama dan telah pun berkorban masa, tenaga dan berpisah dari keluarga kerana bertugas di pedalaman. Ada yang sudah meninggal dunia, sudah bersara tetapi belum ditempatkan ke dalam gred DG6, apatah lagi disahkan. Inilah yang amat menyedihkan.

Saya ingin bertanya kepada kerajaan dan JPA, adakah memang satu keperluan setiap kali sesuatu skim perkhidmatan bertukar, ianya dikebelakangkan sehingga membawa kesan negatif kepada pegawai perkhidmatan awam? Mengapakah syarat baru dikenakan juga

kepada orang yang lama? Tidak bolehkah, kalau ada skim baru, syarat baru, dimulakan dengan orang baru?

Yang ketiga, saya ingin memohon penjelasan tentang kes-kes yang dibawa kepada Tribunal. Ada kes-kes guru yang tidak puas hati dengan sistem perkhidmatan ataupun pelantikan dan sebagainya dibawa ke Tribunal dan mereka menang. Bermakna Tribunal meluluskan penempatan mereka ke dalam satu-satu kategori, misalnya kategori D1 dahulu. Tetapi malangnya keputusan Tribunal ini tidak dilaksanakan oleh JPA. Jadi, guru-guru ini ingin mendapatkan penjelasan apakah sebabnya?

Keempat, tentang biasiswa JPA. Saya difahamkan ada pelajar-pelajar dari Sarawak yang tidak dapat ataupun lambat masuk ke universiti dan memulakan pelajaran di luar negeri iaitu pelajar-pelajar di bawah tajaan JPA mereka lambat sesemester atau dua semester kerana pihak JPA lambat menguruskan kemasukan mereka. Mungkin kerana masalah kakitangan, saya pun kurang pasti.

Kelima, iaitu berhubung dengan penyusunan semula jabatan-jabatan kerajaan dan berkaitan dengan 'downsizing, dengan izin. Baru-baru ini mulai akhir tahun lepas hingga tahun ini, jabatan-jabatan kerajaan disusun semula dengan dasar downsizing. Saya merasakan downsizing ini hendaklah kita buat berhati-hati. Kita tidak harus down-sizing just for the sake of downsizing, dengan izin. Diharap JPA membuat kajian mendalam dan membuat perkiraan mendalam tentang jabatan dan negeri berkenaan. Saya ambil contoh, bagi pendidikan. Dalam usaha sekarang, saya dapati negeri-negeri besar seperti Sarawak dan Sabah, khususnya dalam jawatan pendidikan, nampaknya saiz negeri dan latar belakang jawatan yang sedia ada tidak diambil kira. Pernah dalam Dewan ini saya mengemukakan

soalan mengapa Jabatan Pendidikan Sarawak tidak pernah ditambahkan stafnya sejak tahun 1980 bagi bukan guru.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, minta.....

Puan Sukinam Domo: Sekarang ini pula downsizing. Jadi, saya berharaplah pihak JPA mengambil perhatian tentang hal ini.

Akhir sekali, Tuan Pengerusi, kerana masa tidak mengizinkan, saya ingin menyentuh tentang Jabatan Perdana Menteri, iaitu Butiran 7 - BAHAEIS (Bahagian Hal Ehwal Islam). Saya tahu hal ehwal Islam di bawah jagaan Kerajaan Negeri. Namun, saya berharap kalau boleh pihak BAHAEIS memberikn peruntukan juga dan lebih kepada negeri Sarawak kerana surau-surau dan masjid di luar bandar di Sarawak amat daif sekali. Juga kita berharap program-program dakwah dan kursus-kursus keagamaan diperbanyakkan dengan tumpuan kepada golongan muda lepasan sekolah. Dalam hal ini, diharap pendekatannya disesuaikan dengan golongan sasar. Kalau tidak, program-program keagamaan ini akan tinggal program sahaja, kumpulan sasar tidak ditepati. Kita takut program-program keagamaan ini ditakuti, dibenci dan jauhi oleh golongan-golongan sasar, kerana masalah pendekatan dan penyampaiannya.

Saya rasa oleh kerana masa tidak mengizinkan, Tuan Pengerusi, sekian, saya menyokong.

Tuan Pengerusi: Jelutong.

4.53 ptg.

Tuan R. Karpal Singh [Jelutong]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, saya rujuk kepada Maksud T.3, Butiran 010000, 020000 dan 030000. Ini adalah mengenai

Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan dan Mahkamah-mahkamah Tinggi dalam negara kita.

Tuan Pengerusi, pada 14hb. April tahun ini, Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang ada diterima - Mahkamah Persekutuan memutuskan bahawa beliau didapati salah menghina mahkamah. Selepas itu, apabila beliau dipilih sebagai Ahli Parlimen bagi kawasan Bukit Bintang, beliau dipecat dari Dewan yang mulia ini oleh kerana mahkamah ada dalam satu petisyen pilihanraya memutuskan bahawa apabila diterima sebagai calon, beliau tidak layak mengikut peruntukan Perkara 48 Perlembagaan Persekutuan.

Apabila mahkamah itu ada memutuskan seperti itu, Tuan Pengerusi, satu calon yang kalah dalam pilihan raya umum dalam bulan April, menjadi ahli bagi Dewan Rakyat. Dalam keputusan Mahkamah Persekutuan, dan Mahkamah Persekutuan itu termasuk Presiden Mahkamah Rayuan sekarang, Tan Sri Lamin Haji Yunus, kedua, Hakim Besar Sabah dan Sarawak, Tan Sri Chong Swee Fye dan Hakim Tan Sri Wan Adnan. Walaupun keputusan diberi oleh Mahkamah Persekutuan ini pada tujuh bulan sebelum hari ini, tetapi baru-baru ini pada 15hb. November ketiga-tiga hakim ini memberi keputusan bertulis. Reserve judgement direzabkan pada tujuh bulan yang lalu. Dalam satu keputusan, khasnya keputusan yang diberi oleh Presiden Mahkamah Rayuan, Yang Arif Hakim ini ada menyatakan, di antara lain Yang Berhormat Wee Choo Keong, oleh kerana DAP terima dia sebagai wakil bagi Bukit Bintang, walaupun ini tidak diterima oleh wakil-wakil Barisan Nasional dalam Dewan yang mulia ini.

Apa yang dinyatakan mengenai tindak-tanduk Yang Berhormat Wee Choo Keong adalah 'that he is not honours'. Perkataan seperti itu, Tuan Pengerusi, bolehkah seorang hakim tanpa memberi satu peluang kepada seorang peguam....

Tuan Noh bin Omar: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, ada yang bangun.

Tuan Noh bin Omar: Point of order.

Tuan Pengerusi: Point of order, ya. Apa sebabnya?

Tuan Noh bin Omar: Tuan Pengerusi, saya ingin mendapat pertimbangan yang sewajarnya daripada Tuan Pengerusi, sama ada ucapan daripada Yang Berhormat Jelutong bertentangan dengan Peraturan 36(8) yang menyebut di antara lainnya kelakuan atau sifat hakim-hakim dan lain-lain orang yang dalam keadilan mahkamah atau ahli-ahli majlis pasukan bersenjata dan seterusnya tidak boleh dibincangkan dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Pengerusi: Saya bersetuju dengan Yang Berhormat. Yang Berhormat tidak boleh menggunakan perkataan-perkataan yang memberi sifat. Kalau keputusan dia salah, salahlah. Kalau sekiranya mengatakan dia tidak layak, tidak patut membuat perkataan-perkataan seperti Yang Berhormat sebutkan tadi, itu tidak dapat dibenarkan, Yang Berhormat. *[Tepuk]*

Tuan R. Karpal Singh: Saya hairan, Tuan Pengerusi, sebagai bekas hakim.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, itu tidak bersangkutan. Yang Berhormat, kadang-kadang satu-satu keputusan, satu-satu apa itu ada banyak keputusan. Ada seorang putuskan begini, seorang putuskan begitu dan sebagainya, tidak ada yang sama. Oleh yang demikian, itu keputusan saya yang saya buat. *[Tepuk]*

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Pengerusi,....

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat boleh berucap.....

Tuan R. Karpal Singh: Saya mahu berucap.

Tuan Pengerusi:.....tetapi janganlah menggunakan perkataan dia tidak layak, menggunakan perkataan.....

Tuan R. Karpal Singh: Saya bukan menggunakan itu. Saya tidak menggunakan tidak layak. Apa yang saya mengatakan tadi adalah beliau ada menggunakan perkataan itu tanpa memberi satu peluang kepada peguam itu untuk membela diri. Ini Tuan Pengerusi, adalah criticism of a judgement. Criticism of a judgement yang ada biasa dalam guaman.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat cuba sambung ucapan. Jangan mensifatkan ataupun mengkritik sifat-sifat sebagai seorang hakim.

Tuan R. Karpal Singh: Fasal mengkritik apa yang digunakan oleh hakim itu dalam keputusan, itu tidak boleh? A criticism of a judgement is legitimate, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Yang itu boleh.

Tuan R. Karpal Singh: Itu apa yang saya katakan. Saya bukan mengatakan tadi dia tidak layak, itu lain. Jikalau saya menyatakan perkataan itu, itu boleh langgar dengan Peraturan 36(8).

Tuan Pengerusi: Sila teruskan.

Tuan R. Karpal Singh: Di sini adakah patut bagi seorang hakim untuk menggunakan perkataan seperti itu apabila baru-baru ini dalam kes Ayer Molek. Dalam kes Ayer Molek, Hakim Besar negara ada dalam keputusan itu menyatakan seorang hakim tidak ada hak untuk menghentam seorang peguam tanpa memberi satu opportunity kepada dia untuk defence himself. Itu maksud saya di sini.

Tuan R. Karpal Singh: Walau pun, Yang Berhormat Wee Choo Keong tidak berada di dalam Dewan yang mulia ini, kewajipan saya dari DAP untuk mempertahankan maruah dia. Oleh kerana dia tidak ada di sini, di mahkamah pun, apabila beliau telah dihentam oleh hakim ini, beliau tidak ada di sana. Apa yang kami mahu, Tuan Pengerusi, adalah keadilan. Bagi, Tuan Pengerusi, kaliber, taraf...

Tuan Noh bin Omar: *[Bangun]*.

Tuan Pengerusi: Ya, Yang Berhormat daripada Tanjong Karang, bangun, hendak buat apa, Yang Berhormat?

Tuan Noh bin Omar: Hendak minta penjelasan.

Tuan R. Karpal Singh: Tak payahlah, tak payah. Saya tidak ada masa.

Tuan Pengerusi: Ya.

Tuan R. Karpal Singh: Hari ini juga, Tuan Pengerusi, bagi soalan ke-14 yang saya ada menanya. Dan jawapan ada diberi oleh Timbalan Menteri di sana, yang ketawa tadi. Apa yang saya, Tuan Pengerusi, ada menanya adalah bagi lantikan Judicial Commissioner dan jawapan yang Timbalan Menteri beri adalah, di sini saya membaca apa yang diberi sebagai jawapan kepada soalan itu.

“Perlantikan Judicial Commissioners atau Pesuruhjaya Kehakiman adalah diperuntukkan oleh Artikel 122 (a)(b) Perlembagaan Persekutuan. Pesuruhjaya-pesuruhjaya Kehakiman perlu dilantik dalam keadaan dan tempoh yang tertentu untuk menegerakan urusan Mahkamah Tinggi seperti yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan. Mereka yang dilantik hendaklah mempunyai kelayakan yang tinggi dan judicial temperament yang sesuai. Dalam pada itu, perlantikan Pesuruhjaya Kehakiman membolehkan kerajaan menilai kebolehan seseorang Pesuruhjaya sebelum ianya dipertimbangkan untuk dilantik sebagai Hakim Mahkamah Tinggi”.

Di sini, setakat ini, Tuan Pengerusi, adakah ini satu sebab yang rasional? Lantik seorang sebagai Pesuruhjaya Kehakiman sebagai satu probationary Inspector untuk mendapat tahu adakah orang ini layak barulah beliau diconfirmkan. Adakah ini rasional yang baik untuk lantik seorang yang di dalam tangannya ada nyawa seseorang? Bolehkah keadaan ini diterima?

Tuan Pengerusi, dalam tempoh dua tahun ini, apabila seorang Judicial Commissioner menjalankan tugas atas the head, his head adalah the Sword of Damocles. Oleh kerana sampai beliau telah diconfirmkan, keadaan dia tidak seperti seorang yang boleh act without fear of favour. Tuan Pengerusi, ini satu nilai yang tidak baik. Apa yang dinyatakan selepas jawapan itu adalah ini. Tuan Pengerusi, saya baca apa yang ada selepas petikan saya tamat tadi. “Sehubungan dengan ini, ada di antara Pesuruhjaya....

Tuan Haji Abu Zahar bin Dato’ Nika Ujang: *[Bangun]*.

Tuan Pengerusi: Ada yang bangun Yang Berhormat. Bangun atas apa, Yang Berhormat?

Tuan Haji Abu Zahar bin Dato’ Nika Ujang: Tuan Pengerusi, izinkan saya sekali lagi menarik perhatian kepada sahabat saya Yang Berhormat dari Tanjong Karang tadi....

Tuan R. Karpal Singh: Adakah point of order, atau apa?

Tuan Pengerusi: Ya, point of order, apa dia itu?

Tuan Haji Abu Zahar bin Dato’ Nika Ujang: Point of order, Tuan Pengerusi, kepada Peraturan Dewan 36(8) di mana jelas menyatakan, sekarang ini Yang Berhormat menyebut kerana perlantikan Judicial Commissioners, Hakim-hakim. Perkara ini Dewan ini tidak sepatutnya mempersoalkan ini. Sudah jelas menyatakan, 36(8) menyatakan sifat dan kelakuan hakim-hakim ataupun pegawai-pegawai dalam menjalankan tugas-tugas di mahkamah. Persoalan perlantikan hakim, perlantikan Judicial Commissioners tidak sepatutnya dibangkitkan, dijadikan isu dalam Dewan ini. Saya fikir ini telah bertentangan dengan Peruntukan 36(8). Saya minta mohon keputusan Tuan Pengerusi kepada, saya fikir.....

Tuan Pengerusi: Ya, ya. Saya tahu, Yang Berhormat. Sebenarnya, Yang Berhormat daripada Jelutong tadi tidak mengkritikkan sifat, sifat hakim-hakim ataupun

Judicial Commissioners. Dia mengkritikkan, saya rasa, cara melantikkan itu. Itu tidak bersangkut Yang Berhormat, ya. Sila, Yang Berhormat Jelutong.

Tuan R. Karpal Singh: Buang masa juga, walaupun satu peguam, tidak mengerti apa yang saya “seek”..[*Sorak*].

Tuan Pengerusi: Ya, sila teruskan.

Tuan R. Karpal Singh: Masa saya pun habis, oleh kerana dia kacau dan dia, jikalau kacau, jikalau ada apa-apa asas, itu boleh dimaafkan. Tetapi apa yang dia nyatakan tadi, bodoh dia. [*Disampuk*].

Beberapa Ahli: Tarik balik, tarik balik!

Tuan R. Karpal Singh: Saya teruskan, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, perkataan bodoh, tidak boleh, Yang Berhormat

Dato’ Dr. Haji Jamaluddin bin Dato’ Mohd Jarjis: 36(1) Tuan Pengerusi, “bodoh”, saya minta tarik balik. Bodoh apa ni?

Tuan R. Karpal Singh: Seorang yang bangkitkan apa yang tidak ada asas, kalau tidak bodoh, apa dia?

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, saya minta Yang Berhormat Jelutong tarik balik perkataan “bodoh”, ya. Saya minta Yang terhormat tarik balik.

Tuan R. Karpal Singh: Boleh tarik balik, itu bukan bermakna dia bukan bodoh. Saya tarik balik.

Dato’ Dr. Haji Jamaluddin bin Dato’ Mohd Jarjis: Tarik baliklah.

Tuan Noh bin Omar: Orang bodoh, cakap bodoh.

Tuan R. Karpal Singh: Saya tarik balik. Itu bukan bermakna dia tidak bodoh...

Tuan Pengerusi Yang Berhormat, sudah, sudah. Ya, sila.

Tuan R. Karpal Singh: Saya sambung, dan di sini, bahagian kedua, yang ada disebut dalam jawapan ini. Saya baca sekali lagi.

“Sehubungan dengan ini, adalah di antara Pesuruhjaya Kehakiman yang dilantik tidak dipertimbangkan dilantik sebagai Hakim Mahkamah Tinggi kerana prestasi mereka tidak mencapai tahap yang memuaskan. Jika seperti yang disyorkan oleh Yang Berhormat bahawa seorang dilantik terus menjadi hakim tanpa terlebih dahulu dilantik sebagai Pesuruhjaya Kehakiman, akibatnya adalah buruk sekiranya hakim itu gagal menjalankan tugasnya

dengan baik. Seperti Yang Berhormat sedia maklum, adalah amat sukar bagi kerajaan untuk menyisihkan seorang hakim dari perjawatannya kecuali melalui tribunal di bawah Artikel 125 Perlembagaan Persekutuan. Hakim seperti ini akan jadi penumpang sahaja sehingga ia bersara. Lagi pun dengan adanya hakim yang menjadi passenger sahaja, imej dan kualiti badan kehakiman akan terjejas. Oleh itu, apa yang dipraktikkan oleh kerajaan semasa ini mengenai perlantikan hakim dengan didahului dengan perlantikan Pesuruhjaya Kehakiman adalah amat sesuai dan baik sekali.”

Tuan Pengerusi, apabila seorang ada dipertimbangkan sebagai peguam atau dari the Legal atau Judicial service, tidakkah kerajaan nilai, sebelum beliau dilantik sebagai Judicial Commissioner. Oleh kerana jikalau selepas dua tahun ada mendapatkan taraf atau orang yang dilantik sebagai Judicial Commissioner tidak layak, itu bermakna misjudgement oleh kerajaan. Dan ini misjudgement boleh membawa ini, dalam dua tahun ini, apa keputusan telah diberi oleh Judicial Commissioner ini, boleh dianggap sebagai keputusan yang tidak baik.

Tuan Pengerusi: Ya, Yang Berhormat. Minta gulungkan Yang Berhormat.

Tuan R. Karpal Singh: Saya gulung. So, bolehkan beri dua tahun ini, walau pun hakim ini, Judicial Commissioner ini tidak ada standard, tak payah. Apa jadi kepada keputusan dia apabila empat atau lima orang ada digantung? Digantung oleh seorang yang tidak layak. Seorang yang at initio, tidak layak, apa jadi kepada keputusan?

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat...

Tuan Noh bin Omar: Hendak minta penjelasan sedikit sahaja.

Tuan Pengerusi: Dia minta penjelasan.

Tuan Noh bin Omar: Sedikit sahaja.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, masa dia sudah cukup, Yang Berhormat.

Tuan Noh bin Omar: Sudah cukup?

Tuan Pengerusi: Ya.

Tuan Noh bin Omar: Tidak, kalau sudah jatuh tu, buatlah rayuan.

Tuan Pengerusi: Cukup. Yang Berhormat, minta habiskan ya.

Tuan R. Karpal Singh: Boleh habiskan tetapi masa tidak mencukupi yang diberi oleh Tuan Pengerusi, dikacau oleh orang yang tidak berapa....

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah cukup ya.

Tuan R. Karpal Singh: Jikalau, jikalau rayuan tidak dibuat, saya jawab, saya jawab Tuan Pengerusi kepada apa yang tadi dinyatakan oleh dia tadi. Rayuan, ada rayuan, boleh buat rayuan. Jikalau rayuan tidak dibuat oleh seseorang, tidak mampu untuk membuat rayuan, membawa rayuan kepada Mahkamah Rayuan atau Mahkamah Persekutuan, apa jadi kepada dia? Speak with some sense, apa yang penting adalah ini, Tuan Pengerusi, saya gulung...

Tuan Pengerusi: Cukup Yang Berhormat, Cukup dah. Masa Yang Berhormat sudah cukup.

Tuan R. Karpal Singh: Saya merayu kepada kerajaan untuk pertimbang semula kriteria yang digunakan untuk melantik Judicial Commissioners oleh kerana...

Tuan Pengerusi: Baiklah.

Tuan R. Karpal Singh:oleh kerana.....

Tuan Pengerusi: Cukuplah Yang Berhormat, cukuplah. Ya, Tanjong Karang.

Tuan Pengerusi: Tanjong Karang.

5.10 ptg.

Tuan Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Tuan Pengerusi, terima kasih kerana telah memberi izin kepada saya untuk bersama-sama mengambil perbahasan dalam perbincangan pada petang ini.

Saya ingin menyentuh Butiran 030000 - Perkhidmatan Gubalan dan Semakan di bawah Jabatan Peguam Negara. Tetapi saya ingat saya tidak hendak sentuh macam Ahli Yang Berhormat dari Jelutong, mempertikaikan sahaja keputusan-keputusan yang telah diberi oleh undang-undang dan juga perlembagaan negara.

Tuan Pengerusi, satu tugas jabatan ini ialah untuk menyemak dan menggubal undang-undang. Oleh itu, saya harap pihak jabatan yang berkenaan dapat mengkaji semula Legal Profession Act 1976 khasnya seksyen 13B yang memberi pengecualian tempoh dan kelayakan untuk seseorang penuntut undang-undang menjadi seorang peguambela dan peguamcara.

Secara umumnya, pada hari ini undang-undang telah menetapkan bahawa seseorang yang berkelayakan undang-undang dikehendaki menjalani latihan dalam kamar ataupun chambering selama 9 bulan sebelum dilantik menjadi peguambela dan peguamcara. Dan bagi pegawai-pegawai kehakiman dan pegawai-pegawai daripada Jabatan Peguam Negara boleh dikecualikan dari menjalani latihan dalam kamar ataupun chambering ini setelah berkhidmat selama 7 tahun. Apa yang hendak dikaji sekarang ialah peruntukan ini sama ada munasabah ataupun tidak. Kerana pelajar-pelajar undang-undang yang baru ini, yang fresh, dengan izin, hanya memerlukan 9 bulan sahaja chambering sebelum menjadi peguambela dan peguamcara, sedangkan pegawai kehakiman dan juga pegawai perundangan ini yang kerja mereka setiap hari berurusan dengan undang-undang, memerlukan 7 tahun pengalaman barulah boleh dikecualikan daripada menjalani chambering ataupun latihan dalam kamar ini.

Tuan Pengerusi, di Singapura, pegawai-pegawai kehakiman ataupun perundangan negeri tersebut hanya memerlukan tiga tahun sahaja seperti yang termaktub di bawah seksyen 11(2B) Legal Profesional Act Singapore, Chapter 217. Ini menunjukkan bahawa ada perbezaan di mana di Singapura, pegawai-pegawai ini hanya memerlukan tiga tahun tetapi di Malaysia, pegawai-pegawai daripada Jabatan Kehakiman dan juga perundangan ini memerlukan tujuh tahun. Oleh itu, saya rasa sekarang ini sudah sampailah masanya untuk dibuat kajian semula supaya peluang yang lebih luas patut diberi kepada pegawai-pegawai kehakiman dan juga perundangan ini untuk menceburkan diri di dalam profesion perundangan.

Seandainya masalah kekurangan kakitangan menyebabkan seksyen ini tidak dapat diubah, maka saya rasa sekarang ini telah banyak universiti-universiti dalam negeri mahu pun universiti-universiti luar negeri melahirkan pelajar undang-undang dan kadang-kadang kita

lihat pada hari ini ada juga di antara lulusan undang-undang, mereka terpaksa menceburkan diri di dalam bidang-bidang profesion yang lain kerana kekurangan jawatan ataupun peluang-peluang untuk berkhidmat sebagai pegawai undang-undang.

Tuan Pengerusi, yang kedua, saya ingin menyentuh Butiran 010200 - Bahagian Saraan di bawah Jabatan Perkhidmatan Awam.

Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) yang telah dapat menyelesaikan masalah bonus dan juga penyelarasan gaji kakitangan kerajaan setelah berunding dengan CUEPACS. Walau bagaimanapun, saya ingin menarik perhatian JPA iaitu kita semua tahu apabila CUEPACS ingin berjumpa dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, mereka telah mengenakan syarat di mana mereka tidak mahu wakil JPA hadir sama di dalam rundingan bersama Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Ini menunjukkan bahawa CUEPACS mungkin kurang senang dengan cara-cara JPA mengendalikan penyelarasan gaji dan bonus yang telah dikemukakan oleh mereka.

Oleh itu, untuk mempertingkatkan lagi hubungan yang baik di antara JPA dan juga CUEPACS yang mewakili kakitangan kerajaan dan JPA yang merupakan boss kepada seluruh kakitangan kerajaan dan supaya penyelarasan gaji ini dibuat dengan lebih adil, maka saya ingin mencadangkan supaya dimasa-masa hadapan satu suruhanjaya semakan gaji yang bebas patut ditubuhkan apabila kerajaan ingin menimbangkan kenaikan gaji kakitangan awam. Saya yakin seandainya suruhanjaya semakan gaji ini dapat ditubuhkan, maka penyelarasan gaji akan dapat dibuat dengan lebih adil lagi.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh yang ketiga, iaitu Butiran 090000 - Bahagian Wilayah Persekutuan. Saya ingin memberi pandangan berkenaan dengan papan-papan tanda

penunjuk jalan yang dipasang di simpang-simpang jalan di dalam Wilayah Persekutuan. Penunjuk-penunjuk jalan ini, kita lihat di pasang dengan begitu banyak, tetapi tempat yang di pasangnyanya saya rasa kurang sesuai, kerana di setiap simpang selalunya hanya diletak satu sahaja penunjuk-penunjuk jalan, kemudian penunjuk-penunjuk jalan ini pula, diletak di sudut-sudut simpang. Ertinya, kalau kita yang tidak biasa dengan Wilayah Persekutuan ataupun dengan Kuala Lumpur, amat sukar untuk membaca penunjuk-penunjuk jalan ini. Kadang-kadang bagi mereka yang datang daripada luar Kuala Lumpur terpaksa terbabas masuk simpang-simpang dan juga kadang-kadang kita tidak sempat membaca pun penunjuk-penunjuk jalan.

Oleh itu, saya ingin mencadangkan supaya penunjuk-penunjuk jalan ini sekurang-kurangnya di pasang dua lapis, ertinya lagi satu kilometer ataupun setengah kilometer hendak sampai kepada simpang-simpang jalan ini sepatutnya satu simpang khas telah di pasang terlebih dahulu kerana memberikan supaya mudah pelawat-pelawat yang datang ke Kuala Lumpur ini mencari jalan arah yang sepatutnya mereka tuju. Pada hari ini, kadang-kadang kita lihat apabila kejadian terbabas ini berlaku, mereka yang jarang datang ke Kuala Lumpur masuk ataupun kadang-kadang terbabas kerana tidak sempat membaca tanda-tanda jalan ini boleh menyebabkan salah satu sebab puncanya kesesakan lalu lintas dan boleh menyebabkan kemalangan apabila mereka ini tidak yakin bahawa jalan yang mereka masuki itu adalah jalan yang betul.

Tuan Pengerusi, yang akhir sekali mengenai tanda-tanda jalan tadi, saya ingin membuat teguran, ejaan-ejaan yang ditulis di tanda-tanda jalan ini kadang-kadang tidak betul. Di hadapan Parlimen kalau kita lihat ada satu simpang masuk ke kiri, masuk ke Parlimen terus kita pergi ke 'Serembam', dia tidak tulis 'Seremban', dia tulis 'Serembam'. Jadi, ejaan

ini walaupun silap sedikit, tetapi kadang-kadang kita rasa sedih apakah pihak yang membuat atau kontraktor yang memasang papan itu tidak peka dengan ejaan yang telah sedia maklum dan juga pihak yang meluluskan untuk memasang papan tanda itu. Adakah mereka ini tidak melihat dahulu, sama ada ejaan itu betul ataupun tidak?

Tuan Pengerusi, yang akhirnya, Butiran 010200 - Bahagian Pengambilan Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan. Saya ingin memberi pandangan sedikit mengenai syarat-syarat yang dikenakan kepada guru-guru pelatih perempuan di maktab-maktab perguruan. Dalam syarat-syarat yang dikenakan bahawa guru-guru pelatih perempuan ini tidak dibenarkan mengandung. Mana-mana guru-guru pelatih perempuan yang mengandung, maka mereka ini tidak dibenarkan meneruskan kursus mereka dan selepas mereka ini mengandung di tahun hadapannya barulah mereka ini dibenarkan untuk meneruskan pengajian.

Tuan Pengerusi, saya rasa peraturan ini patut dikaji semula, apabila mereka ini berkahwin, kita tidak benarkan mereka mengandung, ini against the human right, against kehendak manusia. Oleh itu, saya ada satu cerita yang betul, apabila guru ini tanya kepada pengetuanya: “Boleh atau tidak mengandung?” Guru pengetuanya kata: “Boleh!” Sebab guru ini hendak pergi ke latihan mengajar. Dia kata: “Kalau latihan mengajar, boleh mengandung”. Bila sahaja pengetuanya beri ‘green light’ kata boleh mengandung, bulan depan dia mengandunglah. Selama dua tahun dia tidak mengandung. Tetapi apabila guru ini mengandung, di dalam waktu latihan mengajar, pengetua baru daripada Maktab Perguruan Institut Bahasa, pengetua yang baru tidak membenarkan guru pelatih yang mengajar di Sekolah Rendah Kebangsaan Sungai Leman ini meneruskan pengajiannya, sedangkan guru ini telah merancang dengan baik. Apabila beliau tamat latihan mengajar, barulah dijangka akan melahirkan anak.

Oleh itu undang-undang yang seolah-olah tidak adil ini yang agak bertentangan dengan kehendak-kehendak manusia ini patut dikaji, bukan sahaja oleh Kementerian Pendidikan tetapi oleh mana-mana kementerian pun. Kita harap dalam zaman kita menuju ke arah kemajuan dan pembangunan negara, undang-undang ini biarlah adil di antara semua jantina, sama ada lelaki ataupun perempuan. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Menteri di Jabatan Perdana Menteri diminta jawab.

5.21 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman]: Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang banyak bercakap, yang memberi pelbagai pandangan dan teguran di peringkat Jawatankuasa mengenai perkara yang bersangkutan dengan Belanjawan, 1996 bagi Jabatan Perdana Menteri.

Pertama, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang banyak bercakap tentang Perkhidmatan Awam. Sukalah saya tegaskan di sini bahawa perkhidmatan awam di negara kita adalah di antara yang terbaik di dalam dunia. Kecemerlangan ekonomi kita dan pembangunan, kesentosaan, kesejahteraan dan keselamatan negara kita banyak tertakluk kepada kecekapan dan kesungguhan serta kesetiaan pegawai-pegawai perkhidmatan awam. Maka dengan sebab itu kepujian patut kita beri kepada mereka di atas kesungguhan yang mereka berikan kepada negara dan juga kepada kerajaan, sama ada di peringkat perancangan dan juga diperingkat melaksanakan rancangan-rancangan yang telah diatur.

Ada Ahli-ahli Dewan membangkitkan bahawa peluang naik pangkat banyak terdapat di dalam perkhidmatan Pegawai Tadbir dan Diplomatik dan tidak kepada pegawai-pegawai dalam bidang yang lain. Suka saya nyatakan di sini bahawa peluang-peluang dalam sektor atau perkhidmatan yang lain adalah sama dan kadang-kadang banyak di dalam bahagian-bahagian yang lain seperti bahagian perubatan dan juga bahagian-bahagian kejuruteraan. Begitu juga kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyentuh tentang elaun-elaun yang khusus yang patut diberi kepada pegawai-pegawai perkhidmatan awam. Ahli Yang Berhormat yang terakhir juga menyebut tentang SSB iaitu tentang kenaikan pangkat. Sebenarnya sistem penilaian prestasi di bawah SSB adalah sistem penilaian yang terbaik yang pernah diadakan kepada perkhidmatan awam dalam negara kita. Sistem ini mempunyai ciri-ciri yang memastikan penilaian adalah lebih adil dan lebih saksama dan dalam objektif dan pelaksanaan penilaian dalam SSB lebih merupakan ketelusan dan penilaian sepanjang tahun dan berterusan. Begitu juga.....

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Yan bangun.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya dengar penjelasan dari Yang Berhormat Menteri tentang SSB. Tadi Yang Berhormat Menteri menyatakan tentang penilaian yang adil, tetapi bagi saya, sebagai manusia, kadang-kadang ada juga ketidakadilannya. Jadi, kadang-kadang ada juga yang menjadi mangsa daripada skim SSB ini. Adakah satu cara yang boleh kita counter check balik penilaian SSB ini? Kerana banyak golongan pekerja, terutama guru dan pegawai-pegawai kerajaan yang kadang-kadang mereka ini bekerja betul tetapi tidak erti hendak jack tauke, jadi, tidak naik pangkat.

Hak yang tidak bekerja dengan betul dok “yes sir, yes sir” - naik pangkat. Jadi, adakah cara lain jika Yang Berhormat Menteri boleh beri penyelesaian, kerana banyak sangat rungutan.

Satu lagi dia ada kuota dalam sistem kenaikan pangkat ini, dahulu tidak ada kuota. Jadi, boleh atau tidak kuota ini kita hapuskan kerana orang yang cerdik, pandai dan dia boleh buat kerja, kalau kita adakan kuota, bermakna dia tidak boleh naik, kerana kita menahan kenaikan pangkat. Jadi, adakah perbuatan menahan rezeki orang itu.....macam mana?

Dato’ Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman: Terima kasih Yang Berhormat dari Yan. Memang kerajaan sentiasa menilai sistem-sistem yang dijalankan terutama dalam penilaian yang serupa ini dan secara berterusan penilaian itu dibuat. Tetapi suka saya nyatakan bahawa dalam SSB ini peluang naik pangkat lebih banyak daripada sistem yang lama, cuma kita tidak boleh menyelesaikan kerana bagi orang yang tidak naik pangkat - kompelin itu mesti ada. Dalam sistem yang lama pun, apabila seorang sahaja naik pangkat, 20 orang lagi tidak naik, maka peluang bagi protes atau merayu memang banyak. Jadi, kita mencuba kerana SSB ini baru sahaja dijalankan dan insya-Allah, kita harap satu hari nanti peluang memperbaiki keadaan ini mesti ada.

Perkara kedua yang banyak disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat ialah mengenai SPR.....

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Kepong bangun.

Dr. Tan Seng Giaw: Penjelasan. Tadi, Yang Berhormat Yan cakap betul juga. Kadang-kala dari Kedah pun ada betul juga. Adakah Yang Berhormat bersedia untuk mengemaskini atau membatalkan sama sekali SSB, kerana bukan sahaja dari Yan, dari pihak

saya pun saya terima banyak aduan. Bukan sahaja sistem ditukar menjadi SSB bahkan juga sistem yang sedia ada pun sentiasa menimbulkan masalah. Masalah sekiranya seorang guru atau pun seorang pegawai yang cermat dan betul-betul berdedikasi tetapi kerana dia berdedikasi, dia tidak ada masa untuk membuat aktiviti-aktiviti yang lain - tidak payahlah saya sebutkan aktiviti. Mungkin dia buat kerja 10% tetapi 90% dia ada kerja yang lain untuk mengambil hati orang yang menilainya. Inilah caranya, dan orang yang benar-benar berdedikasi tidak dapat dinaikkan pangkat. Apakah sistem yang bakal diadakan untuk memastikan pegawai-pegawai yang berdedikasi mendapat layanan yang baik, dinaikkan pangkat dan sebagainya. Ini adalah masalah yang rumit dan memang wujud di JPA.

Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman: Tuan Pengerusi, memang inilah masalah yang kita bincangkan iaitu masalah pembahagian nikmat. Apabila ada nikmat, ada berkelahi, kalau tidak ada langsung, langsung tidak berkelahi. Masalahnya ialah SSB ialah sistem terbuka. Pada masa dahulu, penilaian kecekapan bagi seorang pegawai tidak terbuka, dibuat secara sulit - dia pun tidak tahu apa yang ketua dia tulis. Mengikut SSB dia ditegur, kerana ada ruang di dalam borang berkenaan "adakah pegawai ini telah diberi teguran sebelum itu dan diperbaiki". Inilah makna ketelusan atau kebaikan atau uniqueness, dengan izin, bahawa uniqueness dalam SSB ini ialah bahawa penilaian kepada seseorang pegawai adalah dibuat secara terbuka dan ditegur. Adakah pun kawan yang mengatakan dedikasi dan tidak dedikasi, ini ialah orang yang datang mengaku sendiri, mungkin perayu undi Yang Berhormat mengaku yang ia dedikasi - dedikasi macam Yang Berhormat kata itulah. Pegawai yang bukan dedikasi mengikut senarai tugas, ataupun portfolio ataupun perkara tugas yang diberikan kepadanya. Walau bagaimanapun, kerajaan sentiasa berfikir dan mencari jalan bagaimana kenaikan pangkat pegawai-pegawai ini dapat diperbuat dengan

seadil-adilnya dan seberapa tepat yang boleh. Maklumkan, pegawai yang membuat penilaian tentu ramai.

Walau bagaimanapun, ada sistem lain membuat penilaian kepada pegawai-pegawai yang membuat penilaian. Ini juga diperhatikan. Jadi, dalam sistem SSB ini, insya-Allah, akan memberi keadaan yang lebih sempurna kepada Perkhidmatan Awam kita dan memberi semangat yang lebih.

Saya bersetuju dengan beberapa orang Ahli Yang Berhormat bahawa memang di dalam sesetengah perkhidmatan, terlampau ramai kakitangan dalam perkhidmatan berkenaan. Namun begitu, peluang-peluang naik pangkat di dalam SSB dan peluang naik pangkat yang diwujudkan oleh JPA, oleh kerajaan, sehari demi sehari, setahun demi setahun bertambah.

Tuan Yunus bin Rahmat: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Jelebu bangun.

Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman: Silakan.

Tuan Yunus bin Rahmat: Tuan Pengerusi, saya ingin mendapat penjelasan sedikit-sebanyak dari Yang Berhormat Menteri. Adakah Yang Berhormat Menteri maklum bahawa kadang-kadang didapati dengan peratusan yang dikenakan kepada sistem SSB - 2% untuk melintang, 3% untuk menegak, dan yang bakinya ialah untuk mendatar dan statik telah mengikat kebebasan ketua-ketua jabatan bagi menilai kakitangan-kakitangan bawahan.

Kadang-kadang ketua jabatan mendapati bahawa ramai di antara kakitangannya, pegawai-pegawainya yang berkebolehan tetapi oleh kerana peratusan yang ditentukan bagi SSB ini kadang-kadang terpaksa mengorbankan juga pegawai-pegawai dan kakitangan yang telah diberikan kepercayaan dalam tugas yang telah diberikan markah yang tinggi tetapi terkeluar daripada peratusan yang ditetapkan. Agaknya bagaimanakah pandangan Yang

Berhormat Menteri? Adakah cadangan kementerian beliau untuk meluaskan lagi, menambahkan lagi peratusan bagi SSB ini supaya dapat dilaksanakan dengan lebih baik, berkesan dan adil kepada semua kakitangan?

Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman: Tuan Pengerusi, itu cadangan yang baik dan pihak Perkhidmatan Awam atau JPA akan mengambil kira cadangan-cadangan yang serupa ini dan inilah ketelusan yang ada pada SSB di mana semua pihak boleh memberi cadangan hinggalah kepada pegawai-pegawai itu sendiri pun dia boleh memberi cadangan.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Pokok Sena bangun.

Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman: Orang Kedah, payahlah.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tuan Pengerusi, apabila Yang Berhormat Menteri telah menerangkan berhubung dengan SSB ini, saya bangkitkan dalam ucapan saya hari itu bahawa saya rasa, SSB ini tidak sesuai dengan Perkhidmatan Perguruan sebab ini bukan masalah kenaikan pangkat. Kenaikan pangkat pada masa dahulu pun, dalam satu sekolah itu seorang sahaja naik pangkat. Yang lain tidak berapa peduli tetapi sekarang ini masalah gaji melintang. Gaji melintang ini bila satu sekolah itu, kalau sekolah besar katalah ada 50 atau 60 orang staf/guru. Kenaikan pangkat ini macam saudara saya dari Jelebu katakan tadi yang 5% ini termasuk pegawai-pegawai di Jabatan Pendidikan itu.

Jadi, kadang-kadang guru yang rajin, sebab di sekolah kebanyakan guru ini boleh dikatakan semuanya rajin. Kalau ada yang tidak rajin itu, sedikit sangat sahaja tetapi bila kenaikan melintang ini menjadi masalah. Bila naik seorang dalam sekolah itu, yang rajin jadi slow balik. Kadang-kadang pula bila ada Penolong Kanan ataupun Penolong Pengetua yang

selalu membuat tentang kenaikan pangkat, tentang gaji melintang ini, dia berat sebelah. Dia lantik, dia beri kepada orang yang suka mengampu.

Saya beri satu contoh. Kadang-kadang dalam satu sekolah itu, Penolong Kanan dia, guru itu mengajar anak Penolong Kanan itu di sekolah. Jadi, guru itu beri segala kertas kerja, banyak kepada anak Penolong Kanannya. Gaji guru itu dinaikkan melintang walhal semuanya rajin.

Lagi satu perkara di sekolah, dalam Perkhidmatan Perguruan, sebab saya pun datang dari Perkhidmatan Pendidikan ini. Saya tahu keadaan di sekolah. Di sekolah, segala keputusan, kebaikan sekolah itu adalah hasil dari Darjah Satu sampai ke Tingkatan Lima. Tiba-tiba kadang-kadang guru Tingkatan Lima itu mendapat kelulusan yang baik atau cemerlang maka guru Tingkatan Lima itu akandapat gaji melintang dan yang lain, masa di Tingkatan Empat, guru bertungkus-lumus, Tingkatan Tiga, Tingkatan Dua, jadi banyak yang tidak dapat. Sebab itu timbul perkara ini, perkara frustrated ini banyak berlaku di kalangan guru-guru.

Sebab itu kadang-kadang mereka kata, 'SSB' - 'Susah-susah belah'. Kadang-kadang siapa yang dapat gaji melintang ini, 'Siapa Sempat Bodek'. Semua habis terjeramah, bukan saya terjeramah, di sekolah - di Perkhidmatan Pendidikan. Sebab itu, saya selalu bertanya dan banyak Ahli-ahli Parlimen bertanya kepada Timbalan Menteri Pendidikan, berapa banyak yang telah berhenti, opsyen, yang tinggalkan Perkhidmatan Pendidikan ini? Saya takut bila kita beri banyak lesen kepada sekolah-sekolah swasta ini, saya ingat lebih banyak guru-guru akan meninggalkan kementerian ini untuk pergi ke sekolah-sekolah swasta, mereka berhijrah.

Jadi, saya minta pihak JPA ini sebab selalu JPA ini dia mengkaji dan berbincang dengan pegawai-pegawai. Jangan sangka, kata guru ini dia mengajar dari pukul 7.00 pagi sampai pukul 1.00 tengahari sahaja. Saya tahu dia mengajar dari pukul 7.00 pagi sampai pukul 1.00 tengahari, ini bagi sesi pagi. Lebih daripada itu, dia ada ko-kurikulum. Dia buat ringkasan. Bila masa lapang, waktu rehat, dia 'right' buku. Lepas itu, bila dia balik, dia kena ko-kurikulum waktu petang. Balik malam, di rumah, dia buat ringkasan untuk mengajar esok. Dekat 24 jam, termasuk tidur. *[Ketawa]* Termasuk tidur 24 jam, guru buat kerja.

Ini JPA ingat pukul 7.00 pagi sampai pukul 1.00 tengahari sahaja. Sebab itu, dari segi 5% naik gaji melintang, apa semua ini, saya rasa SSB memang tidak sesuai dalam Perkhidmatan Pendidikan. Biarlah, hendak marah pun, marahlah. SSB tidak sesuai dengan Perkhidmatan Pendidikan. Saya minta JPA mengkaji perkara ini. *[Tepuk]*

Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman: Tuan Pengerusi, sebenarnya yang disuarakan oleh Yang Berhormat dari Pokok Sena tadi bukan sistem. Pelaksanaan sistem. Jadi, kita kena beza antara dua. Sekarang ini, pelaksanaan ini belum cekap lagi. Itu yang jadi masalah ini. Bukan sistem itu tidak baik.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin: *[Bangun]*

Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman: Nanti sekejap. Kemudian kita katakan bahawa penilaian dalam SSB bagi guru dibuat oleh kumpulannya, bukan oleh kumpulan lain. Jadi, ertinya bahawa dalam sistem SSB ini, sepertimana yang saya sebutkan tadi, peluang naik pangkat banyak. Yang ada kompelin ini yang tidak naik pangkat.

Jadi, saya tidak terimalah bahawa penilaian yang dibuat setakat ini berdasarkan siapa yang pandai memujuk, siapa yang pandai bermuka-muka, itu tidak tepat kerana keikhlasan kerajaan ialah hendak membanyakkan, hendak menyesuaikan kenaikan pangkat yang sebaik-

baiknya. Kalau tidak, baik tidak usah buat naik pangkat terus. Duduk had itu sahaja. Gaji start RM600, RM600 sampai pencen. Kacau juga.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yan bangun, Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman: Sekejap lagi, nanti saya beri peluang. Begitu juga dalam hal-hal lain dalam Perkhidmatan Awam kita. Begitu juga dalam SPP.

Tadi Yang Berhormat dari Tanjong Karang menyebut, guru pelatih tidak boleh mengandung. Sekejap seorang pengetua kata boleh. Apabila tengah mengandung, pengetua baru kata tidak boleh pula. Jadi, ini satu perkara yang sukar.

Sebenarnya kerajaan telah longgarkan. Semasa saya jadi Pengetua Maktab Perguruan dahulu, kahwin pun tidak boleh, jangankan mengandung. Maka kita katakan, oleh kerana ghairah sangat hendak kahwin, kita benarkan kahwin kerana dalam latihan perguruan, ada perkara-perkara yang dipanggil 'GURKU'. Yang Berhormat dari Sungai Petani tolong betulkan saya, dia pensyarah maktab. Ada latihan-latihan jasmani yang perlu dibuat dan diluluskan oleh guru pelatih yang memakan masa yang banyak tentang latihan ini.

Maka sebab itu, perkara-perkara mengandung ini bukan bercanggah dengan hak kemanusiaan tetapi memang diberitahu awal-awal lagi, dahulu tidak boleh berkahwin. Kalau berkahwin, kena buang dari maktab tetapi sekarang ini dibenarkan kerana keadaan inilah. Begitu juga pada masa ini, oleh kerana kekurangan guru dan kekurangan calon untuk menjadi guru pelatih, maka terpaksa diambil dari guru-guru sementara yang kadang-kadangnya sudah berkahwin. Jadi, untuk menyelesaikan masalah-masalah serupa inilah, pelbagai peraturan dibuat.

Jadi, Yan hendak sentuh mengenai Perkhidmatan Awam ini?

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya memang bersetuju apabila kerajaan membuat sesuatu program itu adalah untuk kebaikan rakyat, tetapi kadang-kadang ada juga kes apabila kita melancarkan program tersebut, ia perlu dikaji semula dan diperbetulkan untuk memberi lebih kebaikan kepada rakyat dan juga pegawai kerajaan.

Tadi Yang Berhormat Menteri menyatakan kita masih lagi belajar. Saya ingat SSB ini sudah lama, Yang Berhormat Menteri. Bila kita hendak melancarkan, dari segi kita hendak hukum atau jatuhkan markah atau beri points dan sebagainya?

Tuan Pengerusi, rintihan-rintihan ini, saya ambil satu contoh, kadang-kadang ketua jabatan itu adalah orang yang tidak mirip kepada kerajaan. Yang ini kenyataan. Tak semua yang menyokong kerajaan. Ada yang menyokong parti lawan, ada yang bersimpati dengan DAP, S.46, PAS dan sebagainya. Apabila mereka ini menjadi ketua jabatan atau menjadi pengetua dan sebagainya, kadang-kadang mereka bias, dengan izin, kepada perjuangan mereka itu sendiri.

Kadang-kadang ada guru sendiri yang banyak berkhidmat untuk masyarakat dan berjuang untuk masyarakat tetapi yang tidak berjuang, yang dok pergi dengar syarahan-syarahan malam-malam ini, dapat melintang; kawan yang dok kerja teruk, menjunam! Yang ini menjunam. Jadi, dengan sendirinya, perkara-perkara ini, dia berasa kecewa. Jadi, inilah yang kita hendak cari satu formula yang paling baik dan yang paling adil supaya keputusan untuk kenaikan pangkat dan sebagainya tidak boleh dipersoalkan lagi.

Walaupun kita tidak dapat 100%, sekurang-kurangnya janganlah keadaan-keadaan sekarang ini, banyak sangat rungutan. Pegawai-pegawai kerajaan dia kata, kalau pegawai itu di bawahnya, dia recommend kawan itu banyak-banyak, kawan itu naik tinggi daripada dia

dan dia terlepas pula! Jadi, takkan dia mahu! Kalau saya pun saya tak mahu! Saya pergi recommend junior saya, tahu-tahu dia itu naik tinggi daripada saya, aniyalah saya, apa pasal yang di atas saya tak recommend saya? Biru saya! Jadi, sudah tentu saya tak mahu!

Jadi, saya minta Yang Berhormat Menteri yang bijak laksana ini supaya mencari satu formula. Kesian ni, kesian. Itu pun nasib baiklah CUEPACS dapat RM2 bilion, kalau tidak lagi biru pegawai-pegawai kerajaan ini. Jadi, inilah saya harap kalau boleh Yang Berhormat Menteri, terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman: Terima kasih di atas teguran. Itulah harapan yang tak perlu dijawab. *[Ketawa]*

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: *[Bangun]*

Tuan Yunus bin Rahmat: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Ya, Pokok Sena Bangun, Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman: SSB ini, pegawai ramai di belakang ini, boleh.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tuan Pengerusi, sedikit sahaja. Tak bolehkah pihak Menteri minta supaya Kementerian Pendidikan mengkaji tentang apa yang berlaku iaitu tentang guru ini. Minta Kementerian Pendidikan mengkaji tentang penerimaan guru-guru dengan SSB ini. Tak bolehkah Yang Berhormat Menteri minta Kementerian Pendidikan berbuat begitu?

Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman: Tuan Pengerusi, ini satu cadangan yang boleh ditimbang, tetapi kalau kita buat referendum mengenai tubuh badan seseorang, maka perkara ini sudah tentu akan menjadi kekecohan dalam perkhidmatan.

Perkara kedua yang besar yang disentuh dalam Jabatan Perdana Menteri ialah SPR.

Tuan Yunus bin Rahmat: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Jelebu bangun.

Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman: Sekali lagi?

Tuan Yunus bin Rahmat: Sekali lagi, Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Tuan Pengerusi. Tadi Yang Berhormat Menteri ada menyatakan bahawa SSB itu adalah merupakan satu sistem. Jadi, yang silapnya ialah pelaksanaan sistem.

Jadi, saya ingin memperlihatkan satu sistem pengukuran yang dibuat di dalam pengukuran SSB ini. Umpamanya, di daerah-daerah, kita dapati bahawa Pegawai Daerahnya ialah di dalam kategori M2, bagi daerah-daerah yang kecil dan Ketua-ketua Penolong Pegawai Daerahnya juga di dalam kategoari M2. Jadi, bagaimanakah agaknya keberkesanan penentuan dan penilaian SSB ini dapat dibuat bagi pegawai-pegawai yang ketuanya M2 dan penolong-penolongnya juga M2, walaupun M2 itu ada yang senior dan ada yang junior, tetapi dalam SSB, saya rasa tidak ada perbezaan. Jadi, saya hendak tahu bagaimanakah keberkesanannya dapat dibuat.

Satu lagi, misal kata jurutera-jurutera JKR di daerah-daerah, prestasi mereka tidak dinilai oleh Ketua Pentadbiran Daerah ataupun Tuan Pegawai Daerah, tetapi segala kerja yang telah ditunjukkan oleh jurutera-jurutera di daerah ini tadi dinilai oleh pegawainya di ibu pejabat JKR di Kuala Lumpur. Jadi, bagaimanakah agaknya sistem ini, kalau begini keadaannya berterusan dapat dilaksanakan dengan lebih bijak?

Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman: Tuan Pengerusi, misal yang diberi mengenai jurutera dengan Pegawai Daerah itu tidak tepat kerana kedua-dua jawatan ini adalah daripada dua perkhidmatan yang berasingan. Pegawai-pegawai jurutera di daerah-

daerah ialah pegawai di dalam jawatan yang berasingan daripada pegawai-pegawai PTD iaitu Pegawai Daerah. Begitu juga Pegawai Daerah atau Penolong Pegawai Daerah di tempat itu.

Bagi setengah-setengah negeri, Pegawai-pegawai Daerah ialah pegawai perkhidmatan negeri, maka dia sudah tentulah berasingan daripada jurutera yang berada di situ. Bagi pegawai yang sama taraf berada di satu-satu jabatan, penilaiannya dibuat oleh orang yang lebih tinggi. Walaupun dia ADO1 dan pegawai itu ADO2, tetapi kedua-duanya M2, maka penilaian mereka diberi oleh orang yang lebih tinggi dalam sistem. Tidak boleh ada orang yang sama taraf di tempat itu.

Jadi, saya hendak pergi kepada perkara yang kedua iaitu perkara SPR. Ramai Ahli Yang Berhormat bercakap mengenai SPR dan yang paling hebat sekali ialah tentang bagaimana peraturan dibenarkan di mana seorang itu boleh memindahkan pengundi daripada satu tempat ke satu tempat lain tanpa diketahui oleh tuan tubuh dan juga oleh seorang yang membuat perpindahan dengan ramai orang lain yang menjadi pengundi.

Suka saya sebutkan bahawa dalam kes ini, kerajaan sedang mengkaji peraturan-peraturan yang ada di dalam SPR keseluruhannya. Jadi, untuk ini banyak lagi perkara lain. Begitu juga sepertimana cadangan bahawa slip nama pengundi itu diuruskan oleh SPR. Kerajaan berpendapat bahawa SPR sudah cukup tugasnya iaitu memberi ketentuan seorang rakyat jelata yang berhak mengundi yang telah berdaftar di mana tempat beliau mengundi hinggan ada talian telefon khas yang boleh menelefon kepada pejabat-pejabat SPR tertentu untuk bertanya di mana tempat dia mengundi.

Ada pun slip untuk mengundi itu, kerajaan memberi peluang kepada parti politik untuk berjumpa dengan pengundi. Kalau tidak, hendak datang, tidak ada apa hendak ditunjukkan, susah juga. Jadi, biarlah calon-calon berkenaan atau wakil calon membawa slip, setidak-

tidaknya dia pun ada peluang bekerja dalam pilihan raya untuk partinya untuk bekerja membuat slip dan menghantar slip.

Tentang tuduhan Yang Berhormat dari Keningau mengatakan ada pengundi yang bukan warganegara. Sebenarnya bagi jawapan SPR, tugas jabatan ini ialah mengikut Perlembagaan dan peraturan dan undang-undang yang sedia ada bahawa seorang warganegara dan penunjuk kepada warganegara ialah kad pengenalan biru. Ada pun pemalsuan kad pengenalan biru sebagai warganegara ini iaitu tugas-tugas lain, kerajaan sedang mengambil tindakan yang bersungguh-sungguh untuk menghapuskan perbuatan penyelewengan kad pengenalan biru ini dan tangkapan-tangkapan telah dilakukan hinggakan kepada aktivis parti pemerintah pun kita tangkap. Maka itu keadilan dan kesungguhan serta ketelusan parti yang memerintah pada hari ini.

Begitu juga tentang BPR.....

Tuan Lim Kit Siang: [*Bangun*]

Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman: Silakan.

Tuan Lim Kit Siang: Yang Berhormat Menteri ada mengakui bahawa ada sindiket yang membuat kad pengenalan palsu secara besar-besaran dan dalam satu jawapan daripada Yang Amat Berhormat Menteri Dalam Negeri ada mengakui sebanyak 10,000 keping kad pengenalan palsu telah dijumpai iaitu satu estimate yang sangat konservatif. Saya percaya Yang Berhormat Menteri pun mengakui angka itu mungkin lebih besar daripada itu, mungkin 50,000 atau 100,000. Masalah daripada segi SPR ialah apa cara yang diambil oleh Suruhanjaya Pilihanraya untuk membersihkan daftar pemilih-pemilih supaya kita ada satu list, satu daftar yang bersih, yang utuh, yang tidak ada pengundi-pengundi hantu (phantom voters) khasnya oleh kerana mereka yang terlibat dalam sindiket membuat kad pengenalan

palsu dan mendaftarkan pengundi-pengundi hantu antara pemimpin-pemimpin politik, seperti yang ada dalam senarai pegawai-pegawai UMNO, bekas Timbalan Ketua UMNO Bahagian Gaya, Naib Pengerusi UMNO Bahagian Tanjung Aru, Timbalan Ketua UMNO Bahagian Tawau; semuanya orang-orang UMNO.

Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman: Tuan Pengerusi, memang kerajaan ikhlas dan bersih hati untuk menyelesaikan ataupun untuk menghalang sindiket mengadakan kad pengenalan palsu ini yang melibatkan pilihan raya. Sebab itu senarai yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi termasuk orang-orang UMNO. Kalau kita tidak ikhlas, orang-orang UMNO itu kita tidak tangkap. Itulah maknanya kerajaan bersungguh-sungguh dan pihak Jabatan Pendaftaran Negara sedang bekerja keras untuk memastikan macam mana kad-kad pengenalan palsu ini wujud dalam negara kita.

Tentang estimate yang diberi, tidak bolehlah kita agak. Cuma yang dapat diketahui buat sementara ini sepertimana bilangan yang disebut oleh Yang Berhormat dari Tanjong, Ketua Pembangkang tadi.

Begitu juga perkara pertindihan dua nama dalam satu kad pengenalan, ini kita mengaku bahawa ini human error semasa menyenaraikan nama pengundi-pengundi di dalam komputer, maka berlaku kesilapan di mana nombor kad pengenalan bagi seorang berpindah kepada orang yang selepasnya. Tetapi sukaulah saya memberi jaminan di sini bahawa SPR sedang menyemak semula supaya perkara-perkara ini tidak berlaku dan senarai kita dapat dibersihkan daripada perkara kesilapan seperti ini.

Perkara yang ketiga, yang besar dibincangkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat ialah tentang BPR. Sukaulah saya terangkan di sini sepertimana yang sedia maklum bahawa BPR ialah badan yang menjalankan penyiasatan, bukanlah kedudukannya di bawah Jabatan

Perdana Menteri hanya setakat pentadbiran tetapi Jabatan Perdana Menteri tidak campur tangan dalam kajian ataupun penyiasatan yang dibuat oleh BPR. Segala hasil kajian dan penyiasatannya ialah dibawa kepada Peguam Negara supaya tindakan-tindakan yang sewajarnya dapat diambil.

Perkara yang keempat yang besar, yang dibincangkan ialah tentang DBKL. Saya tidak dapat terima seorang Ahli Yang Berhormat menyebut bahawa Datuk Bandar kita yang sekarang ini yang akan bertukar tidak lama lagi, seorang yang tidak jujur dan tidak boleh diterima oleh masyarakat umum di bandar raya. Sebenarnya pegawai-pegawai kerajaan menjalankan tugas mereka dengan penuh hemat dan penuh berhati-hati. Segala perkara yang tidak puas hati di kalangan pembangkang, di kalangan orang-orang tertentu tidaklah boleh dianggap ini boleh menjejaskan kewibawaan dan keprihatinan seorang pegawai tadbir yang tinggi kedudukannya seperti ini.

Jadi, Tuan Pengerusi itulah sahaja perkara-perkara yang saya hendak jawab tentang perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Tanjong bangun ya.

Tuan Lim Kit Siang: Adakah Yang Berhormat Menteri sahaja yang menjawab atau ada orang-orang yang lain yang menjawab atas hal mengenai kehakiman, mengenai Parlimen atau tidak akan disentuh, tidak akan dijawab? Saya tidak tahu. Bolehkah kita dapat satu penjelasan?

Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman: Tuan Pengerusi, saya seorang sahaja yang akan menjawab. Teks ini bukan main panjang lagi, ada dekat 20 muka. Tetapi pada saya ada perkara-perkara yang diberi sebagai satu cadangan. Misalnya Ahli Yang

Berhormat membincangkan Parlimen mesti prihatin, mesti masuk di peringkat international, mesti perbaiki kantin, banyak lagi cerita dibangkitkan, pegawai-pegawai merekodkan semua perkara ini untuk perhatian kerajaan. Maka di peringkat Jawatankuasa bukan di peringkat falsafah untuk menjawab perkara-perkara yang theoretical tetapi segala cadangan yang diberi oleh Ahli-ahli Yang Berhormat akan diambil kira oleh kerajaan dan oleh pegawai-pegawai dari jabatan-jabatan berkenaan.

Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM40,050,000 untuk Maksud B.1; RM1,135,700 untuk Maksud B.2; RM37,650,000 untuk Maksud B.3; RM19,841,300 untuk Maksud B.4; RM18,693,000 untuk Maksud B.5; RM6,009,400 untuk Maksud B.6; RM880,205,900 untuk Maksud B.7; RM400,290,400 untuk Maksud B.8; RM48,682,600 untuk Maksud B.9; RM24,413,900 untuk Maksud B.10; RM29,470,800 untuk Maksud B.11; RM785,600 untuk Maksud B.12 dan RM718,000 untuk Maksud B.13 di bawah Jabatan Perdana Menteri jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM40,050,000 untuk Maksud B.1; RM1,135,700 untuk Maksud B.2; RM37,650,000 untuk Maksud B.3; RM19,841,300 untuk Maksud B.4; RM18,693,000 untuk Maksud B.5; RM6,009,400 untuk Maksud B.6; RM880,205,900 untuk Maksud B.7; RM400,290,400 untuk Maksud B.8; RM48,682,600 untuk Maksud B.9; RM24,413,900 untuk Maksud B.10; RM29,470,800 untuk Maksud B.11; RM785,600 untuk Maksud B.12 dan RM718,000 untuk Maksud B.13 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM877,081,030 untuk Maksud P.7 dan RM23,380,300 untuk Maksud P.8 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 1996 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM877,081,030 untuk Maksud P.7 dan RM23,380,300 untuk Maksud P.8 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 1996.

Maksud B.14, B.15 dan B.16
Maksud P.14 dan P.16

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Kepala Bekalan B.14 hingga B.16 dan Kepala Pembangunan P.14 dan P.16 di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan terbuka untuk dibahas sekarang. Parit Sulong.

5.53 ptg.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad [Parit Sulong]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hanya merujuk secara ringkas kepada B.14 Pecahan 040100 - Kerajaan Tempatan dan juga 05000 - Perkhidmatan Pemetungan.

Tuan Pengerusi, mengenai kerajaan tempatan ini saya ingin merujuk kepada masalah kebersihan dan di sini kita melihat bahawa pihak kerajaan membelanjakan wang yang banyak untuk kerja-kerja gotong-royong sempena Hari Kebangsaan dan sebagainya. Yang saya ingin kemukakan di sini adalah kerajaan-kerajaan tempatan yang melaksanakan projek-projek keceriaan bandar selepas itu membelanjakan beribu-ribu wang ringgit untuk membeli pokok-pokok dan bunga-bunga, tetapi tiada maintenance, tiada kerja-kerja susulan yang sempurna. Seheingakan kalau kita berjalan di setengah-setengah bandar di dalam negara kita ini, kita melihat pasu dengan pokok yang mati, kita melihat pokok yang ada dalam pasu penuh dengan lalang dan sebagainya. Perkara ini adalah satu pembaziran sekiranya tidak diambil tindakan yang sewajarnya.

Seterusnya saya pergi kepda 050000 - Perkhidmatan Pemetungan. Di sini saya ingin bertanya kepada pihak kementerian mengenai Indah Water Konsortium (IWK). Sejauh

manakah keberkesanan Indah Water Konsortium di dalam memberi perkhidmatan pemetungan ini? Saya dapat tahu bahawa sekarang ini pemegang-pemegang saham di dalam Indah Water Konsortium iaitu seperti Koperasi Polis dan juga Lembaga Tabung Angkatan Tentera telah pun “ditelan” oleh pihak satu syarikat yang baru bernama Berjaya South. Ini bermakna penswastan projek ini telah pun menafikan penyertaan bumiputera. Adakah perkara ini benar atau perkara ini hanya dakwaan? Saya ingin tahu mengapakah perkara berlaku sedemikian rupa? Sekiranya perkara ini benar, saya minta pihak kerajaan supaya mempertimbangkan bahawa saham-saham yang dibeli daripada Koperasi Polis dan juga Lembaga Tabung Angkatan Tentera itu juga diagihkan kepada koperasi pekerja-pekerja pihak berkuasa tempatan. Orang-orang ini telah lama berkhidmat dengan pihak berkuasa tempatan, dengan majlis-majlis daerah. Mereka mempunyai koperasinya tersendiri di bawah kesatuan sekerja ANULAE kalau tidak silap saya. Jadi, harap perkara ini diberi pertimbangan supaya pihak pekerja juga dapat merasai hasil dan manfaat penswastan.

Begitu juga sekiranya kerajaan nanti menswastakan kerja-kerja pengutipan dan pelupusan sampah. Apabila diswastakan Koperasi Pekerja-pekerja Pihak Berkuasa Tempatan harus dipertimbangkan untuk menjadi salah seorang pemegang saham syarikat swasta ini.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yan bangun.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih, Yang Berhormat dari Parit Sulong. Saya minta penjelasan sedikit, adakah Yang Berhormat bersetuju dengan pandangan saya, apabila kerajaan hendak mem’privatise’kan sesuatu agensi ataupun sesuatu kerja, keutamannya saya ingat perlu kita beri kepada assisting staff, dengan izin, ataupun sekurang-kurangnya sebahagian daripada saham itu perlu diberi kepada pekerja-pekerja yang telah bertungkus-lumus begitu lama di dalam sesuatu organisasi. Adakah Yang Berhormat bersetuju supaya perkara ini diamalkan di dalam setiap privatisation, macam mana pandangan Yang Berhormat?

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Seharusnya itulah menjadi semangat yang melandasi kerja-kerja ataupun exercise, dengan izin, penswastaan badan-badan kerajaan sekiranya difikirkan perlu. Umpamanya, Tenaga Nasional Berhad (TNB) dahulunya Lembaga Letrik Negara (LLN), pekerja-pekerja LLN mendapat saham. Telekom - pekerja-pekerjanya mendapat saham, tetapi dalam konteks ini, badan-badan pihak berkuasa tempatan adalah bertabur di seluruh negara, mungkin agak sukar untuk menggabungkan atau menggablengkan tenaga mereka. Mereka ini mempunyai satu badan nasional iaitu Koperasi Pekerja-pekerja Pihak Berkuasa Tempatan.

Tuan Pengerusi, saya berharap perkara ini dipertimbangkan oleh pihak kementerian, oleh kerana ini mencerminkan kesungguhan kerajaan, keprihatinan kerajaan apabila sesuatu penswastaan yang membabitkan pekerja, haruslah diberi tumpahan matlamat dan faedahnya. Itu harapan saya. Jadi, apabila kerajaan menswastakan sisa pepejal (solid waste) ataupun dengan bahasa yang mudah 'sampah-sarap' di seluruh kawasan pihak berkuasa tempatan kelak, usaha-usaha seperti ini juga harus mengambil kira faedah dan kepentingan pekerja yang mempunyai koperatif dan koperasi supaya mereka juga dapat mencarumkan ekuiti ataupun penyertaan modal di dalam usaha-usaha penswastaan itu.

Selanjutnya saya ingin bertanya sebagaimana saya tegaskan tadi, sejauh manakah sekarang ini pihak kementerian menerima sungutan mengenai IWK? Saya tidak mahu menerima sanjungan, sejauh manakah, sebanyak manakah sungutan yang diterima mengenai IWK? Oleh kerana IWK, walaupun memang bagus, adalah sesuai dan selaras dengan satu characteristic negara yang menuju kemajuan yang amat pesat, tetapi dari segi pelaksanaannya, adakah pihak kementerian berhadapan dengan masalah yang disuarakan oleh rakyat jelata dari seluruh negara?

Dengan itu, Tuan Pengerusi, saya mohon menyokong. Terima kasih

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Kota Melaka.

6.03 ptg.

Tuan Lim Guan Eng [Kota Melaka]: Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang sudi hadir untuk mendengar hujah-hujah yang dikeluarkan oleh Ahli-ahli Parlimen.

Saya percaya beliau tidak akan memberikan ucapan yang begitu ringkas dan tidak bertanggungjawab oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri tadi, yang tidak menjawab langsung ke atas semua hujah-hujah yang dikeluarkan oleh Ahli-ahli Parlimen. Saya rasa prestasi yang ditunjukkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri adalah sungguh tidak bertanggungjawab dan menunjukkan beliau tidak layak menjadi Menteri.....

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, saya rasa tidak sepatutnya Yang Berhormat buat di peringkat Jawatankuasa. Ini mengambil kesempatan namanya!

Tuan Lim Guan Eng: Kalau begitu saya ingin merujuk kepada Butiran 030000 - Perumahan.

Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk sekali lagi kepada pengumuman yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri di Pulau Pinang pada bulan September tahun lepas, di mana beliau mengumumkan bahawa ada satu keputusan yang dibuat oleh Kabinet mengarahkan semua Kerajaan Negeri supaya melepaskan kuota perumahan untuk bumi, yang tidak boleh dijual dalam tempoh masa 6 bulan, kalau ia masih belum dijual. Ini ialah satu pengumuman yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dalam satu kempen pilihan raya besar untuk memancing undi bagi memastikan Parti Barisan Nasional dapat kemenangan besar. Malangnya, Tuan Pengerusi, sungguhpun Barisan Nasional telah memperolehi kemenangan besar di Pulau Pinang, tetapi janji yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri masih belum ditunaikan.

Saya tidak faham, Tuan Pengerusi, kalaulah Kabinet telah membuat satu keputusan dan jika Kabinet telah mengeluarkan arahan, mengapakah ia sehingga hari ini masih belum dilaksanakan supaya kuota perumahan untuk bumi yang masih belum dijual boleh dilepaskan secara automatik?

Di sini, Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada apa yang sedang berlaku di negeri Melaka, di mana kerana negeri Melaka menetapkan kuota yang begitu tinggi dalam kawasan bandar sampai 70% untuk kuota bumi. Ini juga disokong oleh Ahli-ahli Exco MCA, tetapi saya tidak faham kalau selepas kuota ini ditetapkan, mengapa selepas 6 bulan bakinya tidak dapat dijual, ia tidak boleh dilepaskan secara automatik seperti mana yang diarahkan oleh Kabinet, seperti mana yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri?

Saya ingin menegaskan, Tuan Pengerusi, bahawa kegagalan melepaskan kuota bumi ini secara automatik telah menambahkan kos ke atas harga rumah yang dijual kepada pembeli-pembeli bukan bumi. Ini adalah kerana kalau kuota yang ditetapkan terlalu tinggi, bakinya tentulah akan dinaikkan harganya supaya pihak pemaju dapat meraih keuntungan. Ini secara langsung membebankan pembeli-pembeli bukan bumi. Kalaulah para pembeli bumi tidak berminat membeli rumah-rumah di kawasan tertentu di kawasan bandar, saya rasa untuk memaksa pemaju terus memegang unit-unit rumah dan menunggu pembeli-pembeli bumi adalah tidak adil, kerana ini juga akan menambahkan kos mereka. Tetapi untuk pembeli-pembeli bukan bumi tulen, yang ingin membeli rumah tersebut, saya rasa menafikan peluang kepada mereka juga bercanggah dengan aspirasi, bercanggah dengan visi yang telah ditunjukkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri.

Saya rasa kalau peluang telah diberikan, tetapi nyata tidak menunjukkan minat, saya tidak nampak apakah sebabnya, apakah rasionalnya ia tidak boleh dilepaskan seperti mana yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri? Saya berharap bahawa perkara ini boleh dibetulkan, kerana kuota di Melaka adalah terlalu tinggi sehingga 70%, banyak pembeli-pembeli tempatan yang tulen tidak berpeluang membelinya. Yang hanya berpeluang ialah untuk rumah-rumah atau kondominium mewah untuk orang asing, orang Singapura ramai yang membeli, tetapi itu orang asing, orang tempatan macam mana? Nampaknya tercicir daripada arus pembangunan utama di negeri Melaka. Saya harap perkara

ini dapat dibetulkan supaya kuota terlalu tinggi yang ditetapkan ini tidak dikekalkan selama-lamanya, supaya rakyat negeri Melaka dapat membeli.

Saya juga ingin memaklumkan kepada pihak kementerian oleh kerana Melaka adalah sebuah negeri yang kecil, tanahnya kurang, ini menyusahkan lagi peluang kepada pembeli-pembeli untuk membeli rumah dengan harga yang munasabah.

Saya rasa adalah tidak adil untuk pembeli-pembeli pertama (first timer) membeli rumah sederhana dengan harga RM80,000 hingga RM100,000 untuk negeri Melaka bila gaji bulanan mereka tidak cukup. Oleh sebab itu, saya harap perkara ini boleh diberikan perhatian oleh pihak kementerian.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin merujuk kepada Butiran 040000 - Kerajaan Tempatan. Di sini pihak kementerian iaitu Yang Berhormat Menteri sendiri telah membuat pengumuman bahawa satu garis panduan telah dikeluarkan kepada semua kerajaan tempatan agar semua lawatan keluar negara mestilah mengikut kriteria-kriteria yang ditetapkan iaitu lawatan ini mesti dibuat ke atas negara-negara ASEAN sekali dalam masa tiga tahun dan juga secara terkumpul, iaitu dengan kerajaan-kerajaan tempatan lain untuk menjimatkan wang. Tetapi apa yang berlaku ialah, bahawa banyak kerajaan tempatan tersebut tidak mematuhi tetapi mengingkari sahaja garis panduan ini dan mereka bukan sahaja pergi ke negara luar daripada ASEAN seperti Australia, Jepun dan negara-negara lain tetapi juga secara bersendirian. Lawatan yang dibuat ini adalah dibiayai oleh orang ramai. Saya ingin tahu apakah tindakan yang dibuat oleh pihak kementerian untuk menghukum kerajaan-kerajaan tempatan yang menyalahi, yang tidak mahu mematuhi dan yang mengingkari garis panduan yang dikeluarkan oleh Yang Berhormat Menteri.

Di Melaka, Majlis Perbandaran Melaka Bandaraya Bersejarah, mereka melawat Australia sungguhpun mengikut garis panduan tidak diizinkan dan lawatan ini dibuat oleh

ahli-ahli majlis apabila dalam mesyuarat majlis yang biasa mereka jarang hadir tetapi untuk pergi melawat ke luar negara, semua hadir. Ini adalah satu perkara biasa, satu penyalahgunaan kuasa, satu perkara yang amat tidak bertanggungjawab oleh ahli-ahli Majlis Kerajaan Tempatan dan saya rasa Yang Berhormat Timbalan Menteri sendiri boleh semak attendance record, dengan izin, di semua kerajaan tempatan. Bukan sahaja di negeri Melaka tetapi di semua kerajaan tempatan. Ramai daripada ahli-ahli majlis jarang hadir, tetapi untuk pergi melawat ke luar negara semua hadir dan mereka bawa isteri bersama. Ada kala bukan isteri pertama, tak tahulah! Ini yang berlaku.

Port Dickson - saya pernah membawa kes ini, di mana ahli-ahli majlis melawat Bali dan Australia secara percuma (free), tetapi bagi pegawai-pegawai dan kakitangan apabila melawat kena bayar 50%. Ini satu penyalahgunaan kuasa di mana mereka pergi untuk hiburan mereka sendiri, tidak belajar apa-apa. Lebih baik hantar pegawai kerana apabila pegawai pergi ke sana dia boleh belajar sesuatu dan dia boleh melaksanakannya dan memanfaatkan orang ramai, bukannya ahli-ahli majlis atau daerah atau kerajaan tempatan.

Saya harap pihak kementerian boleh tegas dalam perkara ini. Saya rasa satu sebab mungkin mengapa ahli-ahli Majlis Kerajaan Tempatan ini tidak berapa serius, tidak bertanggungjawab kerana mereka dilantik. Biasanya calon-calon yang kalah dalam pilihan raya besar mereka dilantik menjadi ahli Majlis Kerajaan Tempatan. Kerana dilantik, tidak payah telus (accountable), mereka buat begitu.

Di sini mungkinlah masanya sudah tiba supaya kerajaan tempatan didemokrasikan dengan memulihkan pemilihan secara langsung oleh rakyat untuk semua ahli-ahli Majlis Kerajaan Tempatan. Saya rasa ini satu perkara yang penting supaya rakyat dapat memilih ahli-ahli Majlis yang tekun, rajin dan serius bekerja. Kerana mereka tidak serius, tidak tekun

bekerja, ahli-ahli Parlimen, ahli Dewan Undangan Negeri kena tengok longkang, kena tengok jalan yang berkopek-kopek, berlubang-lubang dan termasuk Tuan Pengerusi sendiri, yang kadang-kadang saya ada tengok surat khabar, dia terpaksa buat kerja ini. Simpati sedikitlah.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Apa kena mengena Pengerusi dengan perkara ini?

Tuan Lim Guan Eng: Bukan, saya sebut contoh sahaja. Sebenarnya ini adalah kerja ahli Majlis Kerajaan Tempatan. Tetapi kerana mereka gagal melaksanakannya, ahli-ahli Parlimen kena buat kerja termasuk Tuan Pengerusi sendiri. Kalau mereka menunaikan...

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yan bangun, Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng: Sedikit sahajalah, masa saya suntuk.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin: Yang Berhormat Kota Melaka tadi kata ahli-ahli Majlis Kerajaan Tempatan. Adakah semua semacam itu? Ada setengah ahli-ahli Majlis Kerajaan Tempatan itu bekerja kuat untuk memastikan Majlis Kerajaan Tempatan itu berjalan dengan baik. Jadi, mungkin kerana seorang, dua yang macam itu, adakah Yang Berhormat Kota Melaka merangkumi keseluruhan? Tentang lawatan ini saya ingat adalah baik untuk exposure. Terima kasih.

Tuan Lim Guan Eng: Mungkin saya kena rujuk kepada peribahasa Melayu, “Kerana nila setitik rosak susu sebelanga”.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, sila gulung.

Tuan Lim Guan Eng: Setitik sahaja sudah diluluskan. *[Ketawa]* Oleh itu saya harap bahawa perkara ini boleh diberikan perhatian kerana banyak ahli Majlis Kerajaan Tempatan tidak layak menjadi ahli Majlis, hanya ambil gaji bulanannya percuma dan tidak buat kerja.

Saya ingin menyeru sekali lagi, kalau boleh pulihkan sistem pemilihan supaya rakyat dapat memilih mereka yang kuat kerja dan bukan mereka yang hanya boleh main-main dan melawat ke luar negara untuk makan angin secara percuma. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Serdang.

6.05 ptg.

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Tuan Pengerusi, merujuk Program 040100 - Kerajaan Tempatan.

Tuan Pengerusi, saya rasa bangga kerana saya dilantik sebagai ahli Majlis Daerah selama 18 tahun. Anggapan saya dan juga menyertai mesyuarat Majlis Daerah ini yang telah memberi kesan dan cekap bagi menguruskan pentadbirannya. Maka saya menyeru kepada pihak kementerian teruskan perlantikan ahli-ahli Majlis Daerah dan Bandaran supaya satu pakatan, satu pasukan di mana mewakili Kerajaan Tempatan untuk menjalankan aktiviti-aktiviti atau program sebagaimana yang telah dilulus dan diatitkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan. *[Disampuk]*

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat yang lain janganlah mencelah!

Dato' Yap Pian Hon: Di atas pengalaman saya sebagai ahli Majlis, saya nampak ahli-ahli Majlis yang dilantik telah memberikan pandangan, cadangan dan syor-syor yang membina supaya pentadbiran Majlis Daerah dijalankan dengan sempurna. Oleh kerana kekecohan pada satu ketika dahulu - parti pembangkang telah dipilih sebagai ahli Majlis Kerajaan Tempatan - menjadikan pentadbiran Majlis Tempatan kecoh dan terpaksa kerajaan mengambil tindakan.

Ini....

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Kota Melaka bangun.

Dato' Yap Pian Hon: Saya beri chance sedikitlah.

Tuan Lim Guan Eng: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya hendak bertanya Yang Berhormat dari Serdang, memandangkan beliau dilantik sebagai ahli majlis, tahniahlah! Sungguhpun beliau telah dipilih menjadi ahli Parlimen. Kalau begitu, sungguhpun beliau seorang Naib Presiden MCA, beliau tidak dilantik menjadi Timbalan Menteri sedangkan ahli-ahli Parlimen dari MCA biasa dilantik menjadi Menteri bila jawatan mereka lebih rendah daripada Yang Berhormat dari Serdang.

Dato' Yap Pian Hon: Tuan Pengerusi, ini mengapi-apikan, ini berbau politik. Sebagai wakil rakyat yang dipilih oleh rakyat sama ada dilantik sebagai jemaah menteri atau di sebelah backbenchers sini, itu tidak penting. Yang penting ialah, sama ada Yang Berhormat Wakil Rakyat yang berkenaan boleh atau tidak menjalankan tugas, menjalankan tanggungjawab mereka dengan sepenuhnya.

Tuan Pengerusi, oleh itu nampaknya perlantikan ahli-ahli majlis sepanjang masa ini memang diteruskan. [*Y.B. Tuan Lim Guan Eng meninggalkan Dewan*] Jangan lari dulu! Dengarlah ucapan saya!

Oleh itu, Pihak Berkuasa Tempatan telah menjalankan pentadbiran dan urusannya dengan licin kerana ada satu pasukan yang dilantik oleh kerajaan. Maka itulah program dan aktiviti Kerajaan Tempatan untuk terus membangunkan Pihak Berkuasa Tempatan yang moden bagi membangunkan masyarakat tempatan yang sihat, progresif dengan memberikan perkhidmatan yang cekap bagi meninggikan mutu kehidupan di kawasan pentadbirannya.

Jabatan Kerajaan Tempatan ditubuhkan di peringkat Persekutuan semata-mata untuk mengawal dan menyelaraskan aktiviti pihak berkuasa tempatan di antara Kerajaan Persekutuan

dan Kerajaan Negeri, dan juga akan memberi galakan memaju dan membimbing pihak berkuasa tempatan yang lebih berkesan kepada rakyat jelata di kawasan masing-masing. Tetapi saya hendak membangkitkan satu perkara dan meminta Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan supaya mempercepatkan proses menaikkan taraf Majlis Daerah Petaling.

Saya difahamkan pihak berkuasa negeri telah mengemukakan cadangan untuk menaikkan taraf Majlis Daerah Petaling kerana pihak Majlis Daerah Petaling memang sesuai dan layak mengikut hasil penduduknya dan syarat-syarat yang tertentu. Tetapi sudah satu tahun pihak Majlis Daerah Petaling masih tunggu bilakah pihak kementerian akan meluluskan untuk menaikkan taraf supaya memberi perkhidmatan yang lebih memuaskan lagi, kerana dengan wujudnya pentadbiran Majlis Perbandaran di kawasan tersebut, maka profesional akan dilantik untuk mengendalikan jabatan-jabatan berkenaan untuk memberi perkhidmatan yang lebih cekap dan memuaskan lagi supaya penduduk-penduduk kawasan di bawah pentadbiran Majlis Daerah yang akan dinaikkan sebagai Majlis Perbandaran akan menikmati mutu kehidupan yang lebih sempurna lagi.

Tuan Pengerusi, saya juga menyentuh sedikit berkaitan Butiran 00100 - Projek-projek di kawasan penguasa-penguasa tempatan yang diuntukkan dengan RM38,900,900 dan juga Butiran 00200 - Bantuan Khas kepada Penguasa-penguasa Tempatan sebanyak RM1,550,000 dan juga Butiran 00300 - Program Bersih dan Indah sebanyak RM6 juta lebih, Butiran 060700 - Pembersihan Longkang/Parit sebanyak RM100 juta. Tetapi setiap tahun peruntukan yang dibentangkan dan akan diluluskan di Dewan ini cara mana untuk membahagi-bahagikan kepada pihak berkuasa tempatan, cara mana supaya peruntukan yang akan diluluskan dapat dinikmati oleh penduduk-penduduk kawasan masing-masing.

Saya harap pihak kementerian jangan pilih kasih kepada satu-satu pihak berkuasa tempatan sahaja. Kalau katakan Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan kerana kawasannya, maka lebih banyak peruntukan diberi. Kawasan-kawasan seperti kawasan Serdang, seperti kawasan Mentakab tidak akan dapat menerima bantuan khas atau projek-projek dari Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dengan saksama. Tetapi walau bagaimanapun, saya serahkan kepada kementerian untuk memberi penjelasan lebih lanjut berkaitan perkara tersebut.

Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada Butiran 03100 - Kemajuan Perkampungan, di mana telah diperuntukkan sebanyak RM6,166,000. Tetapi saya harap peruntukan ini tidak mencukupi atau tidak memadai untuk sebanyak 452 perkampungan dengan objektif kemajuan perkampungan yang disabitkan untuk menjadikan Kampung-kampung Baru yang diwujudkan dalam zaman darurat sebagai penempatan manusia yang sempurna dengan menyediakan kemudahan-kemudahan infrastruktur atau sosial, mengubahkan sikap masyarakat Kampung-kampung Baru serta penduduk ke dalam arus pembangunan negara.

Tuan Pengerusi, saya sebutkan perkara ini kerana saya seorang penduduk yang tinggal di dalam Kampung Baru Serdang. Selama 45 tahun ini rasa saya pembangunan Kampung Baru ini memang kalah. Walaupun parti-parti pembangkang, terutama sekali dari DAP sendiri membangkitkan isu Kampung Baru ini, tetapi mereka tidak tahu cara mana masalah atau cara mana keadaan atau tugas sebenarnya berlaku di Kampung-kampung Baru. Saya telah menjadi Wakil Rakyat lima penggal di Dewan Undangan Negeri dan pertama kali dalam Dewan Rakyat ini, tetapi saya juga membangkitkan perkara ini. Kalau dengan peruntukan sebanyak RM6 juta sahaja untuk 452 Kampung-kampung Baru di seluruh Malaysia, peruntukan ini tidak mencukupi atau tidak memadai. Tetapi mungkin pihak

kerajaan memberi penjelasan daripada Butiran 00100 atau 00200, 00300 atau 060700, peruntukan ini mungkin dapat disalurkan lagi untuk menambah peruntukan yang tidak mencukupi bagi memajukan dan membangunkan semula Kampung-kampung Baru di tanah air kita ini.

Tuan Pengerusi, Kampung-kampung Baru yang diwujudkan dalam zaman darurat memang tidak teratur, tidak ada perancangan yang teratur dan tersusun pada zaman tersebut, kerana pada masa itu pihak penjajah, hanya menghalau orang-orang yang berkenaan masuk ke kawasan tersebut dengan wire-barbs, dengan perintah berkurung. Kalaulah dapat beras atau catuan - kepahitan ini pernah dirasai oleh penduduk di Kampung-kampung Baru. Oleh kerana zaman sekarang sudah berubah, oleh kerana Kerajaan Barisan Nasional telah memberi perhatian terhadap Kampung-kampung Baru, tetapi satu perkara yang mustahak tanpa perancangan yang teratur dan tersusun, Kampung Baru tidak akan berubah. Saya hendak membangkitkan perkara ini termasuklah kawasan Tuan Pengerusi, Kampung Baru Ampang juga. Tuan Pengerusi, tidak dapat peluang untuk membangkitkan masalah di mana kawasan yang diwakilinya.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Ini boleh dikira sebagai ‘tumpang semangkuk’. Sila gulung, Yang Berhormat.

Dato’ Yap Pian Hon: Tuan Pengerusi, satu masalah lagi, aktiviti sosio- ekonomi di Kampung Baru tidak berapa berkesan pada waktu ini kerana Kampung-kampung Baru yang terpencil dari bandar hanya tinggal orang tua sahaja, kerana tidak ada aktiviti-aktiviti sosio-ekonomi, tidak ada kawasan industri diwujudkan, di mana generasi muda dapat terus tinggal di kampung-kampung. Tetapi di kampung-kampung di luar bandar anak-anak kita sudah

keluar berhijrah ke bandar kerana di luar bandar tidak ada aktiviti ekonomi. Maka sama juga di Kampung Baru.

Saya harap kementerian boleh merancang dan juga berharap kementerian dapat menubuhkan satu jawatankuasa penyelarasan dengan Kerajaan Negeri, sama-sama membincangkan cara mana untuk memajukan kawasan tersebut.

Tuan Pengerusi, satu perkara penting.....

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat masa sudah suntuk.

Dato' Yap Pian Hon: Ini paling mustahak di kawasan Serdang.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, masa sudah suntuk.

Dato' Yap Pian Hon: Minta maaf, saya minta sedikit masa, satu minit sebab tidak ada masa untuk - pada masa ini Parlimen tidak ada....*[Ketawa]* Saya minta maaf.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Masa sudah suntuk, Yang Berhormat. Yang Berhormat tidak ada masa lagi untuk menyambungkan ucapan, saya minta maaf.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Majlis Mesyuarat ditangguhkan hingga jam 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.